


3 Prestasi Ekonomi dan Prospek





Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Ekonomi menunjukkan tanda-tanda pemulihan...

Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka terjejas teruk berikutan penguncupan eksport yang ketara disebabkan oleh krisis kewangan dunia dan kemelesetan ekonomi. Penguncupan eksport yang ketara ini seterusnya memberi kesan negatif terhadap permintaan domestik. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi merosot 6.2% dalam tempoh suku pertama 2009. Walau bagaimanapun, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menyusut pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.9% dalam tempoh suku kedua didorong oleh pelaksanaan segera dan efektif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) serta pelonggaran dasar monetari. Prestasi ekonomi dijangka bertambah baik dalam tempoh separuh kedua berikutan pelaksanaan langkah mengatasi kemelesetan dan disokong oleh keadaan ekonomi dunia yang semakin stabil. Justeru, ekonomi dijangka pulih dalam tempoh suku keempat 2009, namun bagi keseluruhan tahun, ia dianggar menyusut 3.0%.

Permintaan domestik akan menjadi pemacu utama ekonomi negara, disokong oleh perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta. Pelaburan awam dijangka berkembang ekoran pelaksanaan projek PRE. Sebaliknya, pelaburan swasta diunjur merosot, mencerminkan sentimen perniagaan yang lebih rendah. Sementara itu, penggunaan swasta dijangka merekodkan pertumbuhan positif disokong oleh pendapatan boleh guna isi rumah yang kukuh berikutan pasaran buruh yang stabil dan pemulihan harga komoditi.

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembinaan dijangka menjana pertumbuhan. Sektor perkhidmatan dianggar mencatat pertumbuhan positif disokong oleh prestasi kukuh subsektor komunikasi, kewangan dan insurans serta penginapan dan restoran. Sektor pembinaan terus mampan dipacu oleh pelaksanaan pelbagai projek Kerajaan khususnya kerja pembinaan di bawah PRE. Walau bagaimanapun, output pembuatan dijangka merosot akibat permintaan luar yang lemah. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka didorong oleh perkembangan kukuh subsektor bukan komoditi, manakala sektor perlombongan terus menguncup disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Imbangan pembayaran (BOP) dijangka kekal menggalakkan meskipun penguncupan dalam perdagangan global. Lebihan akaun semasa dijangka berkurangan pada tahun 2009, namun kekal tinggi pada RM91.8 bilion atau 13.5% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Lebihan akaun barangan dijangka lebih rendah dengan eksport dan import mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, lebihan ini dijangka lebih daripada mencukupi bagi mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa.

Kesan daripada kemerosotan aktiviti ekonomi dalam tempoh separuh pertama dan jangkaan pemulihan dalam tempoh separuh kedua, pendapatan negara nominal seperti yang ditunjukkan oleh KNK dijangka merosot 4.8% kepada RM681.0 bilion (2008: 14.2%; RM715.0 bilion). Pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP), dianggar merosot 14.7% kepada USD12,826 pada tahun 2009 (2008: 13.7%, USD15,040).



Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Prestasi sektor kekal kukuh...

Dalam tempoh separuh pertama 2009, nilai ditambah **sektor perkhidmatan** mengalami pertumbuhan marginal sebanyak 0.7% (Januari – Jun 2008: 8.2%), berikutan penurunan aktiviti berkaitan penggunaan dan perdagangan. Sektor perkhidmatan kembali pulih mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4% dalam tempoh suku kedua berbanding suku pertama (S1 2009: -7.3%). Dengan tanda pemulihan ekonomi, pertumbuhan sektor ini dianggar meningkat 2.1% merangkumi 57.9% daripada KDNK pada tahun 2009 (2008: 7.2%; 55.0%). Kumpulan **perkhidmatan perantara** dan kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka berkembang pada kadar yang sama sebanyak 2.0% (2008: 6.0%; 7.4%). Pertumbuhan dalam kumpulan perkhidmatan perantara dijangka dipacu oleh subsektor komunikasi serta kewangan dan insurans, manakala kumpulan perkhidmatan akhir akan disokong oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam subsektor penginapan dan restoran serta perdagangan borong dan runcit.

Pertumbuhan **subsektor komunikasi** dijangka meningkat 5.7% pada tahun 2009 (2008: 7.3%), didorong oleh perkembangan kukuh dalam industri telekomunikasi. Dalam tempoh separuh pertama, subsektor ini mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 5.3% (Januari – Jun 2008: 7.7%), berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan selular, jalur lebar dan generasi ketiga (3G). Pada akhir Jun 2009, kadar langganan telefon selular berkembang 13.8% kepada 28.5 juta dengan kadar penembusan sebanyak 100.8% (akhir Jun 2008: 18.2%; 25.1 juta; 90.6%). Prestasi kukuh segmen ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan suara, data dan multimedia serta penambahbaikan kualiti perkhidmatan dan peluasan liputan rangkaian oleh penyedia perkhidmatan. Di samping itu, kemajuan aplikasi dan ciri-ciri telefon mudah alih terus mendorong permintaan bagi langganan selular.

Tambahan pula, pertumbuhan segmen selular turut disumbang oleh jumlah penghantaran perkhidmatan pesanan pendek (SMS) yang semakin meningkat. Dalam tempoh separuh pertama 2009, jumlah SMS meningkat dengan ketara sebanyak 23.3% kepada 42.4 bilion (Januari – Jun 2008: 36.7%; 34.4 bilion), dipacu oleh harga yang kompetitif dan strategi pemasaran berasaskan SMS yang agresif. Peningkatan bilangan langganan 3G juga dijangka mengukuhkan lagi pertumbuhan segmen ini. Pada akhir Jun 2009, jumlah langganan 3G melonjak 141.8% kepada 6.0 juta (akhir Jun 2008: 201.1%; 2.5 juta), didorong terutamanya oleh kemajuan teknologi dan kemampuan memiliki telefon 3G. Meskipun pasaran selular telah tepu, namun prospek segmen ini dijangka kekal menggalakkan dengan penyedia perkhidmatan terus inovatif untuk menawarkan perkhidmatan bernilai tinggi seperti 3G dan jalur lebar mudah alih. Menjelang akhir tahun 2009, bilangan pelanggan telefon selular dijangka terus berkembang 11.4% kepada 30.2 juta dengan kadar penembusan 105.6% (2008: 16.2%; 27.1 juta; 96.8%).

Bilangan pelanggan jalur lebar meningkat 53.9% kepada 2.1 juta dengan kadar penembusan isi rumah sebanyak 24.8% (akhir Jun 2008: 24.1%; 1.4 juta; 18.0%) didorong oleh peningkatan permintaan bagi akses internet dan peluasan liputan rangkaian. Pengendali perkhidmatan terus menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan jalur lebar melangkaui kawasan bandar serta memperkenalkan pakej langganan yang menarik bagi meningkatkan kadar langganan. Tambahan pula, peluasan lokasi *wireless hotspot* dijangka merencanakan lagi pertumbuhan segmen ini. Pada akhir Jun 2009, terdapat 1,992 lokasi *Wireless Fidelity* (Wi-Fi) *hotspot* (akhir Jun 2008: 1,986) di seluruh negara dengan hampir 70% tertumpu di negeri Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Perak.

Pengendali perkhidmatan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMAX) telah mula menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan bandar utama. Pada akhir Jun 2009, terdapat sejumlah 60,800 pelanggan WiMAX di seluruh negara. Di samping itu, pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) oleh Telekom Malaysia (TM)



JADUAL 3.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor 2008 – 2010

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Pertanian	4.0	-2.3	2.5	7.5	7.6	7.6	0.3	-0.2	0.2
Perlombongan	-0.8	-2.9	1.1	8.1	8.1	7.9	-0.1	-0.2	0.1
Pembuatan	1.3	-12.1	1.7	29.1	26.4	26.2	0.4	-3.5	0.4
Pembinaan	2.1	3.5	3.2	3.0	3.2	3.2	0.1	0.1	0.1
Perkhidmatan	7.2	2.1	3.6	55.0	57.9	58.5	3.9	1.1	2.1
Tolak: FISIM yang tidak diagihkan³	5.4	6.0	6.4	3.9	4.3	4.5	0.2	0.2	0.2
Tambah: Duti import	23.9	-7.2	-9.5	1.3	1.2	1.1	0.3	-0.1	-0.1
KDNK	4.6	-3.0	2.0-3.0	100.0	100.0	100.0	4.6	-3.0	2.0-3.0

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Perkhidmatan Perantaraan Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan 2008 – 2010

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada KDNK (%)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
Perkhidmatan perantaraan						
Pengangkutan dan penyimpanan	6.1	-3.3	2.1	3.8	3.8	3.8
Komunikasi	7.3	5.7	6.6	3.9	4.2	4.4
Kewangan dan insurans	7.7	3.0	4.0	11.0	11.7	11.8
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	1.5	1.0	3.1	5.1	5.4	5.4
Perkhidmatan akhir						
Utiliti (elektrik, air dan gas)	2.1	-1.4	1.8	2.9	3.0	2.9
Perdagangan borong dan runcit	9.8	1.2	3.5	12.8	13.3	13.5
Penginapan dan restoran	7.3	3.2	3.1	2.4	2.6	2.6
Perkhidmatan lain	5.2	4.9	5.0	5.7	6.2	6.3
Perkhidmatan kerajaan	11.1	2.6	2.8	7.4	7.8	7.8
Jumlah	7.2	2.1	3.6	55.0	57.9	58.5

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.



dijangka meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar. Pelancaran perkhidmatan ini secara komersial dijangka bermula dalam tempoh suku pertama 2010.

Bagi perkhidmatan pos, jumlah pendapatan Pos Malaysia Berhad (PMB) menguncup 2.0% dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 5.1%), berikutan pengurangan aktiviti kiriman pos dan kurier. Jumlah kendalian melerosot 1.0% kepada 650.7 juta item (Januari – Jun 2008: -2.4%; 657.1 juta) disebabkan oleh langkah penjimatan kos yang dilaksanakan oleh pelanggan korporat, berikutan persekitaran ekonomi semasa yang mencabar. Langkah ini termasuk pengurangan perbelanjaan dan frekuensi mel serta migrasi pelanggan ke *e-billing* dan *e-statement*. Volum kurier PMB juga mencatat penguncupan sebanyak 2.1% kepada 5.7 juta item (Januari – Jun 2008: 24.7%; 5.9 juta) disebabkan oleh persaingan sengit antara pengendali kurier.

Pada tahun 2009, **subsektor kewangan dan insurans** dijangka berkembang 3.0% (2008: 7.7%) disokong oleh aktiviti pembiayaan kredit pengguna dan pelaburan perniagaan yang stabil. Pada akhir Julai 2009, jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan meningkat 8.4% kepada RM752.5 bilion (akhir Julai 2008: 9.9%; RM694.5 bilion) dengan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta isi rumah merangkumi 15.9% dan 54.7% (akhir Julai 2008: 17.8%; 54.3%). Subsektor ini dijangka turut memperoleh manfaat daripada kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam utama. Pembiayaan sektor perbankan Islam meningkat 12.4% kepada RM169.2 bilion, merangkumi 20.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: RM150.5 bilion).

Pada tahun 2009, pertumbuhan **subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** dianggar 1.0% (2008: 1.5%), disebabkan oleh peningkatan aktiviti broker saham, perkhidmatan perkongsian dan penyumbangan luar (SSO) serta perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat (IT). Pada 14 Oktober 2009, FTSE Bursa Malaysia Indeks Komposit Kuala Lumpur (FBM KLCI)

ditutup pada paras 1,246.84 mata dengan nilai permodalan pasaran berjumlah RM940.23 bilion (akhir 2008: 876.75 mata; RM663.8 bilion). Prestasi yang menggalakkan ini adalah berikutan sentimen pelabur yang lebih baik serta respon positif pasaran saham ke atas beberapa langkah liberalisasi yang diumumkan dalam tempoh suku kedua 2009.

Bagi segmen SSO, Malaysia kekal sebagai destinasi ketiga terbaik di dunia bagi aktiviti penyumbangan luar selama empat tahun berturut-turut. Pada akhir Ogos 2009, sejumlah 2,722 pertubuhan serantau telah diluluskan yang terdiri daripada 1,579 pejabat perwakilan, 740 pejabat serantau, 210 pusat perolehan antarabangsa, 172 ibu pejabat operasi dan 21 pusat pengagihan serantau. Inisiatif berterusan Kerajaan dalam memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif, termasuk liberalisasi ekuiti pemilikan asing dan kemudahan pengambilan ekspatriat telah menggalakkan penempatan pertubuhan serantau ini di Malaysia. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, 119 pertubuhan serantau telah diluluskan (Januari – Ogos 2008: 101) dengan anggaran pelaburan berjumlah RM219.1 juta dan mewujudkan 587 pekerjaan (Januari – Ogos 2008: RM159.0 juta; 796 pekerjaan).


Bagi perkhidmatan berkaitan IT pula, dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, 170 syarikat (Januari – Ogos 2008: 124) telah diberi status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 2,406 (akhir Ogos 2008: 2,118). Kebanyakan syarikat ini terlibat dalam aktiviti *software and eSolutions*, multimedia kreatif dan SSO. Tambahan pula, peluasan MSC Malaysia ke seluruh negara melalui pembentukan *Cybercities* dan *Cybercentres* baru dijangka merencanakan lagi segmen perkhidmatan perniagaan. Pada akhir Ogos 2009, terdapat sejumlah 16 MSC Malaysia *Cybercities* dan *Cybercentres* di seluruh negara, termasuk Putra Square, Kuantan yang telah diberi taraf *Cybercentre* pada Julai 2009.

Dalam tempoh separuh pertama 2009, nilai ditambah **subsektor perdagangan borong dan runcit** mengalami penguncupan marginal




CARTA 3.1

Industri Pelancongan

¹ Anggaran.² Januari — Ogos.³ Januari — Jun.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan dan Jabatan Perangkaan Malaysia.



sebanyak 0.6% (Januari – Jun 2008: 12.3%) disebabkan perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih rendah, berikutan sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan yang lebih lemah. Dalam tempoh tersebut, indeks jualan runcit menurun 4.7% kepada 129.0 mata (Januari – Jun 2008: 9.9%; 135.4 mata), manakala indeks jualan kenderaan bermotor berkurang 9.5% kepada 104.6 mata (Januari – Jun 2008: 13.7%; 115.5 mata). Prestasi subsektor yang kurang menggalakkan ini turut ditunjukkan oleh penurunan import barangan penggunaan sebanyak 6.4% (Januari – Jun 2008: 13.4%).

Prospek subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka kekal positif dengan pembukaan kompleks perniagaan runcit baru serta peluasan operasi pasar raya besar dan *superstore* utama. Sehingga akhir September 2009, terdapat 81 pasar raya besar dan *superstore* milik asing

beroperasi di seluruh negara (akhir September 2008: 71). Di samping itu, pelanjutan tempoh operasi pasar raya besar dan pelancaran kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dijangka terus menyokong aktiviti perdagangan borong dan runcit. Pada tahun 2009, subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka berkembang 1.2% (2008: 9.8%).

Dalam tempoh separuh pertama 2009, **subsektor penginapan dan restoran** berkembang 2.5% (Januari – Jun 2008: 8.6%), disokong aktiviti promosi berterusan, terutamanya oleh *outlet* makanan segera dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Prestasi keseluruhan subsektor ini dijangka meningkat 3.2% pada tahun 2009 (2008: 7.3%) dengan perbelanjaan penginapan (31.0%) kekal sebagai komponen utama pendapatan pelancongan, diikuti oleh aktiviti membeli-belah (26.7%) serta makanan dan minuman (17.9%).



Bidang Pertumbuhan Terpilih Dalam Sektor Perkhidmatan

Pengenalan

Perkhidmatan, berbeza dengan barangan, adalah *intangible* dan kebiasaannya digunakan sewaktu pembelian dilakukan. Sektor ini meliputi pelbagai bidang industri dan merupakan input penting dalam pengeluaran barangan serta mempunyai hubung kait merentasi semua sektor ekonomi. Di peringkat global, sektor perkhidmatan merangkumi hampir dua pertiga daripada jumlah pengeluaran, satu pertiga daripada jumlah pekerjaan dan hampir 20% daripada perdagangan.

Dalam proses sesebuah ekonomi semakin membangun, ia akan mengalami peralihan daripada ekonomi berasaskan primer (pertanian) kepada sekunder (pembuatan) dan seterusnya *tertiary* (perkhidmatan). Malaysia sedang mengalami peralihan struktur daripada ekonomi berasaskan pembuatan kepada ekonomi berorientasikan perkhidmatan, dengan sumbangan sektor perkhidmatan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat daripada 38.2% pada tahun 1970 kepada 51.1% pada tahun 1994. Dalam tempoh 1997 hingga 2007, 91.0% daripada 2 juta pekerjaan yang telah diwujudkan adalah dalam industri berkaitan perkhidmatan. Pada tahun 2008, sektor ini menyumbang 55.0% kepada KDNK dan 52.2% kepada jumlah pekerjaan. Ke arah menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, Kerajaan telah memberi keutamaan untuk membangunkan lagi sektor perkhidmatan supaya mencapai potensi sepenuhnya. Sektor ini berupaya menyumbang lebih 60% kepada KDNK sebagaimana yang telah dicapai oleh negara maju seperti Jerman (69.1%), Jepun (72.3%), Amerika Syarikat (79.6%) dan United Kingdom (74.5%).

Untuk memanfaatkan potensi daripada sektor ini, beberapa bidang *niche* yang mempunyai kelebihan perbandingan telah dikenal pasti. Malaysia merupakan peneraju utama bidang kewangan Islam, manakala industri pelancongan, terutamanya pendidikan dan kesihatan, serta industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan pemangkin baru pertumbuhan ekonomi.

Kewangan Islam

Kewangan Islam telah berubah menjadi satu perantaraan kewangan yang dinamik, berkembang pesat dan kompetitif bagi masyarakat global. Sebagai perintis dalam bidang ini, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi hab kewangan Islam antarabangsa. Sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif ini disokong oleh rangka perundangan dan peraturan kukuh, merangkumi institusi perbankan Islam dan takaful serta pasaran modal dan kewangan Islam. Malaysia merupakan peneraju kewangan Islam dengan pencapaian yang memberangsangkan dan merupakan negara pertama yang menerbitkan sukuk antarabangsa. Dalam menghasilkan produk yang inovatif, Malaysia telah memperkenalkan amanah pelaburan harta tanah, dana dagangan bursa (ETF) dan platform dagangan komoditi secara Islam.

Dalam sistem kewangan domestik, sistem perbankan Islam merupakan komponen yang kukuh dan kompetitif. Pada akhir Julai 2009, terdapat 17 bank Islam, yang mana enam daripadanya merupakan bank asing. Aset perbankan Islam merupakan 18.9% daripada jumlah keseluruhan aset perbankan, manakala pembiayaan Islam merangkumi 20.2% daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan pada akhir Julai 2009. Pasaran modal Islam adalah memberangsangkan, dengan terbitan sukuk berkembang purata 19.6% setahun sejak tahun 2001. Pasaran sukuk Malaysia merupakan yang terbesar dan merangkumi lebih 60% daripada pasaran sukuk dunia.

Malaysia terus melaksanakan langkah untuk memperkukuhkan kedudukannya sebagai hab kewangan Islam. Antara kemajuan yang telah dicapai ialah inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) yang dilancarkan pada tahun 2006. Inisiatif ini telah berjaya menarik institusi kewangan asing



dan domestik untuk menubuhkan unit perniagaan antarabangsa bagi menjalankan perbankan Islam dan takaful dalam mata wang asing. Pada tahun 2009, langkah liberalisasi terus dipergiat dengan peningkatan had pegangan ekuiti asing kepada 70.0% bagi bank Islam dan syarikat takaful serta penawaran dua lesen baru kepada bank Islam asing dan syarikat takaful keluarga. Di samping itu, lima firma antarabangsa terkemuka yang pakar dalam perundangan kewangan Islam dibenarkan beroperasi di Malaysia. Dari segi pembangunan modal insan, kemahiran profesional, teknikal dan kepimpinan dalam kewangan Islam juga disediakan oleh institusi seperti Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF).

Malaysia kini berada pada kedudukan terbaik untuk meraih peluang daripada pertumbuhan pesat kewangan Islam global. Dalam hal ini, usaha untuk terus mempromosi dan mengintegrasikan sistem kewangan Islam dengan kewangan antarabangsa akan diperhebat ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam utama.

Pelancongan Kesihatan

Pelancongan kesihatan telah dikenal pasti sebagai industri yang berpotensi untuk dimajukan, berdasarkan terdapatnya kemudahan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang mantap, berkualiti serta berpatutan. Perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan termasuk perkhidmatan saringan perubatan, diagnostik, pembedahan kosmetik, kardiologi, oftalmologi, pembedahan saraf dan ginekologi. Di samping itu, aspek *wellness* dalam perkhidmatan kesihatan seperti homeopati, spa, refleksologi dan rawatan tradisional turut ditawarkan. Selain menerima rawatan perubatan dan *wellness*, pesakit serta keluarga mereka juga mempunyai pilihan untuk melakukan pengembaraan dan aktiviti berkaitan pelancongan.

Ketibaan pelancong kesihatan melonjak hampir sepuluh kali ganda daripada 39,114 pada tahun 1998 kepada 374,063 pada tahun 2008. Jumlah pendapatan yang dijana daripada pelancong kesihatan juga mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan daripada RM14.1 juta kepada RM299.1 juta dalam tempoh yang sama. Kebanyakan pesakit asing ini adalah dari Indonesia, diikuti oleh negara Jepun, Eropah dan India. Pulau Pinang, Melaka, Kuala Lumpur dan Selangor merupakan destinasi pilihan utama. Pada tahun 2009, pesakit asing dijangka meningkat kepada 430,000 dan menjana pendapatan berjumlah RM330 juta. Pasaran yang semakin penting termasuk Amerika Syarikat (AS), Kanada, Timur Tengah, Bangladesh, Myanmar, Vietnam dan Kemboja. Bagi tempoh 2006 – 2010, industri pelancongan kesihatan dianggar menjana pendapatan tukaran asing berjumlah RM2 bilion.

Inisiatif untuk membangun dan mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang unggul, berkualiti dan berpatutan termasuk penubuhan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan penjenamaan program pelancongan kesihatan sebagai '*Malaysia Healthcare*'. Portal khusus telah diwujudkan untuk menyalurkan maklumat penting berkaitan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kerajaan telah mengenal pasti 35 hospital swasta sebagai peneraju utama dalam industri ini. Bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti, kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan adalah diakreditasi oleh *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) berdasarkan piawaian dan penanda aras antarabangsa.

Malaysia semakin dikenali sebagai destinasi pilihan dan telah ditempatkan di antara lima destinasi utama pelancongan kesihatan oleh *Nuwire Investor* pada tahun 2008. Kedudukan ini adalah berdasarkan faktor kualiti dan kos perkhidmatan kesihatan yang berpatutan serta kesediaan menerima pelaburan asing. Malaysia mempunyai ciri-ciri penting yang diperlukan untuk menjadi destinasi bertaraf dunia dalam industri yang berkembang pesat ini. Justeru, pelancongan kesihatan dijangka menjadi pasaran *niche* yang penting dalam industri pelancongan dan menyumbang ketara kepada ekonomi.



Pelancongan Pendidikan

Malaysia semakin menerima pengiktirafan dunia sebagai destinasi pilihan untuk pendidikan tinggi dan *tertiary*, seterusnya merancakkan lagi industri pelancongan negara. Dalam konteks ini, Malaysia telah ditempatkan pada kedudukan ke-11 dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Pelajar asing di pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta meningkat ketara daripada 1,913 pada tahun 1995 kepada 69,164 pada tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, hampir satu pertiga berasal dari negara China dan Indonesia, sementara bakinya adalah dari Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Barat. Pada tahun 2009, pelajar asing dijangka melebihi 75,000.

Dengan kemudahan moden dan penggunaan teknologi pembelajaran inovatif secara meluas, Malaysia dapat menawarkan pelbagai kursus yang berkualiti tinggi pada kos yang berpatutan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, terdapat 21 institusi pengajian tinggi awam, 43 universiti swasta dan kolej universiti serta lima cawangan kampus universiti asing menawarkan kursus persediaan bahasa, program kemasukan ijazah secara terus, program perkongsian berkembar, program pertukaran jangka pendek serta kursus pendidikan jarak jauh untuk pelajar ijazah dan ijazah lanjutan.

Menyedari potensi ini, pelbagai langkah telah diambil bagi mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Ini termasuk menjadikan Malaysia sebagai hab mobiliti pengajian tinggi bagi pelajar antarabangsa, melaksanakan strategi pemasaran yang efektif, menubuhkan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia di bandar terpilih di seluruh dunia serta merintis jalinan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta antarabangsa. Di samping itu, projek bernilai tinggi akan dibangunkan bagi memenuhi permintaan industri pendidikan, seperti *EduCity Iskandar Malaysia* di Nusajaya yang akan dilaksanakan untuk menawarkan program khusus untuk keperluan pelajar antarabangsa.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Industri ICT telah dikenal pasti sebagai pemacu strategik dalam pembangunan ekonomi. Dalam konteks ini, telekomunikasi, pembangunan kandungan digital serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) bernilai tinggi telah dikenal pasti sebagai bidang *niche* untuk terus dibangunkan.

Sejak beberapa tahun lalu, industri telekomunikasi telah mencapai kemajuan memberangsangkan dalam penyediaan perkhidmatan dan infrastruktur, seperti ditunjukkan oleh statistik perkhidmatan telefoni. Kadar penembusan telefon mudah alih meningkat ketara daripada 21.8% pada tahun 2000 kepada 100.8% daripada jumlah penduduk pada akhir Jun 2009. Malaysia mempunyai kadar penembusan telefon mudah alih ketiga tertinggi di Asia Tenggara selepas Singapura dan Thailand. Kadar penembusan jalur lebar juga telah meningkat daripada hanya 1.0% pada tahun 2004 kepada hampir 7.5% daripada jumlah penduduk pada akhir Jun 2009.

Kebanyakan warga Malaysia melayari internet, terutamanya untuk tujuan jalinan komunikasi dan mengumpul maklumat. Menurut *Internet World Statistics*, warga Malaysia merupakan antara sepuluh pengguna internet utama di Asia, terutamanya bagi melayari laman web *Friendster*, *Yahoo* dan *Blog*. Kini, hampir 50% daripada trafik internet Malaysia disalurkan melalui negara jiran dan 80% mengakses kandungan asing. Menyedari potensi yang luas dalam bidang ini, adalah penting untuk mengambil langkah segera bagi mengalihkan trafik internet kembali ke Malaysia. Usaha yang lebih giat perlu dilaksanakan bagi memperoleh manfaat sepenuhnya daripada kedudukan Malaysia yang strategik serta menggunakan rangkaian dan perhubungan sedia ada bagi menyokong pertumbuhan industri telekomunikasi.



Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil langkah usaha sama awam-swasta bersama Telekom Malaysia (TM) untuk melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dalam tempoh sepuluh tahun (2008 – 2017). HSBB adalah satu inisiatif infrastruktur nasional utama bagi membolehkan Malaysia melonjak menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Ia memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi pelaburan swasta dan aktiviti berintensif pengetahuan serta mengukuhkan daya saing negara. Pelaksanaan projek ini dijangka meningkatkan KDNK sebanyak 0.6% dan mewujudkan 100,000 pekerjaan menjelang tahun 2017.

Industri kandungan digital adalah termasuk animasi komputer kreatif, permainan digital, program *edutainment*, aplikasi dan perkhidmatan mudah alih, televisyen interaktif serta arkib dan penerbitan digital. Inisiatif Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) menyediakan platform bagi membangun dan menggalakkan industri kandungan digital. Pada akhir Ogos 2009, kluster Multimedia Kreatif MSC Malaysia terdiri daripada 264 syarikat yang terlibat dalam aktiviti *post*-produksi, animasi, pembangunan permainan, e-pembelajaran dan kandungan interaktif. Pada akhir tahun 2009, kluster ini dijangka menjana pendapatan lebih RM3 bilion.

Dana *MSC Malaysia Animation and Creative Content Centre (MAC3) Co-Production* berjumlah RM75.0 juta telah diwujudkan pada bulan Ogos 2009 untuk membantu syarikat animasi dan permainan meningkatkan kompetensi dan keupayaan serta terlibat dalam produksi bersama syarikat asing. Kerajaan juga telah mewujudkan dana *e-Content* dan *Networked Content Development Grant (NCDG)* untuk animator, artis kesan visual dan pencipta kandungan tempatan bagi menggalakkan produksi dan pengagihan kandungan untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Pada akhir bulan Ogos 2009, RM99.7 juta telah diluluskan di bawah dana *e-Content*, sementara RM4.5 juta telah diluluskan di bawah NCDG. Program akreditasi bersama persatuan kandungan tempatan dan antarabangsa telah dijalankan bagi meningkatkan kapasiti dan daya upaya pengusaha industri. Zon Media Digital di Cyberjaya dan Zon Kreatif di *Cybercentre* dijangka akan meningkatkan kumpulan penyedia kandungan digital.

Selama empat tahun berturut-turut, Malaysia berjaya menerima pengiktirafan dunia sebagai destinasi ketiga terbaik bagi aktiviti SSO selepas negara India dan China, seperti dilaporkan oleh *A.T. Kearney Global Services Location Index*. Pada tahun 2008, kluster SSO MSC Malaysia telah menjana sejumlah RM6.1 bilion, atau 28.4% daripada jumlah pendapatan MSC Malaysia dan mewujudkan 37,438 pekerjaan. Pada akhir bulan Ogos 2009, sebanyak 184 syarikat SSO telah diberi status MSC Malaysia. Syarikat penyumberan luar dijangka meneroka peluang perniagaan di pasaran utama seperti AS, Eropah dan Asia Pasifik, termasuk negara Jepun dan Australia serta Timur Tengah dalam bidang khusus seperti kewangan Islam. Bagi meraih peluang pasaran yang luas ini, Kerajaan mensasarkan pewujudan 40,000 pekerjaan menjelang tahun 2010, meliputi 40.6% daripada jumlah pekerjaan di MSC Malaysia.

Kesimpulan

Pembangunan bidang *niche* dalam sektor perkhidmatan akan memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara. Sektor ini amat penting sebagai punca pertumbuhan dari segi penjanaan pendapatan, pewujudan pekerjaan serta pembangunan keusahawanan. Kerajaan akan terus menggubal dasar untuk memastikan persekitaran perniagaan kondusif bagi merealisasikan potensi sektor ini sepenuhnya. Inisiatif ini akan membolehkan sektor ini memainkan peranan yang lebih agresif ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.



Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, meskipun keadaan ekonomi yang perlahan dan penularan wabak *Influenza A(H1N1)*, jumlah ketibaan pelancong meningkat 4.4% kepada 15.4 juta (Januari – Ogos 2008: 4.9%; 14.7 juta). Pertambahan ini berikutan penawaran pakej yang menarik oleh agensi berkaitan pelancongan serta peningkatan *connectivity* syarikat penerbangan. Bilangan ketibaan pelancong yang tertinggi adalah dari Singapura (8.3 juta), diikuti oleh Indonesia (1.5 juta) dan Thailand (1.0 juta).

Dalam usaha mempertingkatkan lagi daya saing industri pelancongan, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan bagi meningkatkan infrastruktur dan mempelbagaikan produk pelancongan, menambah baik program *homestay* serta menganjurkan lebih banyak persidangan dan pameran antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan penjenamaan semula program Malaysia Rumah Kedua-Ku (MM2H) untuk menjadikannya lebih menarik dan efektif, terutamanya dalam menarik individu berpendapatan tinggi untuk melabur di Malaysia melalui penubuhan perniagaan atau usaha sama dengan usahawan tempatan. Langkah ini termasuk melonggarkan kriteria MM2H yang membenarkan peserta program bekerja tidak melebihi 20 jam seminggu serta melabur dan bergiat aktif dalam perniagaan. Justeru, bilangan peserta MM2H meningkat 1.2% kepada 1,055 dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: -1.8%; 1,042). Sehingga akhir Ogos 2009, sejumlah 12,794 peserta telah menyertai program MM2H, terutamanya dari negara China (17.6%), Bangladesh (13.4%), United Kingdom (10.4%) dan negara Jepun (7.5%).

Pengiktirafan Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia (WHS) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) terus memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Dalam hal ini, Kerajaan telah memudahkan usaha menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara pengusaha pelancongan Malaysia dan Indonesia. MoU ini bertujuan untuk mempromosi Melaka, George Town dan Borobudur sebagai pakej pelancongan WHS, terutamanya bagi menarik peminat budaya dan warisan.

Nilai ditambah **subsektor pengangkutan dan penyimpanan** menguncup ketara sebanyak 5.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 9.0%), berikutan prestasi ekonomi yang perlahan, terutamanya dalam aktiviti berkaitan perdagangan dan perjalanan. Kelembapan prestasi perdagangan antarabangsa telah menjejaskan permintaan pengangkutan air, udara dan darat. Pada tahun 2009, nilai ditambah subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka menguncup 3.3% (2008: 6.1%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, bilangan kendalian kontena di pelabuhan utama, iaitu Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas (PTP), Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Bintulu dan Kuching merosot 7.4% kepada 8.6 juta *twenty-foot equivalent units* (TEUs) (Januari – Julai 2008: 9.3%; 9.3 juta TEUs). Kemerosotan ini disebabkan oleh penurunan aktiviti pelabuhan berikutan kelembapan prestasi perdagangan antarabangsa, terutamanya antara pasaran Asia, Eropah dan Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2009, jumlah kendalian kontena dianggar menguncup 5.1% kepada 15.2 juta TEUs (2008: 7.2%; 16.0 juta TEUs).

Pelabuhan Klang yang kekal sebagai pelabuhan kontena terbesar negara, mengendalikan 4.0 juta TEUs, merangkumi 46.3% daripada jumlah keseluruhan kendalian kontena (Januari – Julai 2008: 4.7 juta TEUs; 50.0%). Sementara itu, PTP mengendalikan 3.3 juta TEUs dan menyumbang 38.7% kepada jumlah kendalian kontena (Januari – Julai 2008: 3.2 juta TEUs; 34.7%). Menurut *Containerisation International* (CI), dari segi jumlah kendalian TEUs pada tahun 2008, Pelabuhan Klang telah meningkat ke kedudukan ke-15 (2007: ke-16), manakala PTP kekal pada kedudukan ke-18.

Bilangan kapal berlabuh di pelabuhan utama juga merosot 5.5% kepada 24,004 kapal (Januari – Julai 2008: -0.1%; 25,395), dengan Pelabuhan Klang menguasai 36.7% daripada jumlah kapal berlabuh (Januari – Julai 2008: 38.8%). Kelembapan aktiviti perdagangan antarabangsa telah menyebabkan syarikat perkapalan utama melaksanakan langkah pengurangan kapasiti dan penggabungan perkhidmatan untuk beroperasi



dengan lebih cekap. Di samping itu, liberalisasi dasar Kabotaj baru-baru ini bagi pengangkutan kargo pindah kapal dikontenakan di antara pelabuhan Sepang, Bintulu dan Kuching dengan Klang dan PTP dijangka memulihkan aktiviti pelabuhan.

Prestasi segmen pengangkutan udara telah terjejas akibat sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan yang lemah, seterusnya menyebabkan pengurangan perbelanjaan dan permintaan perkhidmatan pengangkutan udara. Bagi mengekalkan daya saing, syarikat penerbangan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merangsang permintaan. Langkah ini termasuk penurunan kadar tambang melalui penghapusan surcay bahan api dan bayaran pentadbiran, penawaran pakej pelancongan menarik serta peningkatan *connectivity*, kekerapan dan kecekapan. Secara keseluruhannya, prestasi industri pengangkutan udara dijangka kekal mencabar berikutan harga bahan api yang tidak menentu dan liberalisasi progresif industri udara.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, jumlah pengendalian kargo udara oleh MASkargo dan AirAsia menguncup dengan ketara sebanyak 26.2% kepada 236.6 juta tan metrik (Januari – Julai 2008: 7.8%; 320.5 juta tan metrik), berikutan permintaan yang rendah, terutamanya daripada sektor pembuatan. Jumlah kargo udara yang dikendalikan di semua lapangan terbang dalam negara juga mengalami kemerosotan ketara sebanyak 22.9% kepada 438.7 juta tan metrik (Januari – Julai 2008: 2.6%; 568.9 juta tan metrik).

Bagi segmen penumpang pula, bilangan penumpang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia meningkat dengan sederhana sebanyak 1.9% kepada 14.3 juta penumpang (Januari – Julai 2008: 5.3%; 14.1 juta), berikutan permintaan yang lebih rendah, khususnya di kalangan penumpang premium dan jarak jauh. Bilangan penumpang di semua lapangan terbang dalam negara juga mencatat pertumbuhan 2.7% kepada 28.9 juta penumpang (Januari – Julai 2008: 8.2%; 28.1 juta). Jumlah penumpang syarikat penerbangan baru iaitu Firefly, MASWings

dan AirAsia X terus meningkat dengan ketara sebanyak 104.2% kepada 1.4 juta penumpang (Januari – Julai 2008: 663,300) berikutan tambang yang kompetitif, peningkatan *connectivity* dan kekerapan perkhidmatan.

Dalam usaha menarik lebih banyak syarikat penerbangan beroperasi di Malaysia, Kerajaan telah memberi rebat 50% ke atas caj pendaratan kepada semua syarikat penerbangan beroperasi di negara ini bagi tempoh dua tahun berkuatkuasa 1 April 2009. Memandangkan permintaan perkhidmatan tambang murah semakin meningkat dan kapasiti sedia ada di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) yang terhad, *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) akan membina dan mengendalikan LCCT baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang dijangka siap pada tahun 2011. Terminal baru ini berupaya mengendalikan 30 juta penumpang berbanding 15 juta pada masa kini.

Pada tahun 2009, segmen pengangkutan darat dijangka berkembang pada kadar perlahan berikutan permintaan yang lebih rendah, terutamanya bagi perkhidmatan pengangkutan barang. Pertumbuhan ini dijangka disokong oleh penambahbaikan berterusan dalam perkhidmatan, kemudahan serta infrastruktur rel dan darat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 5.3% kepada 742.5 juta (Januari – Julai 2008: 7.9%; 705.4 juta), berikutan harga bahan api yang lebih rendah, diskaun kadar tol bagi perjalanan tengah malam serta penyiapan projek lebuh raya. Sebaliknya, purata bilangan penumpang harian bas RapidKL dan Rapid Penang menurun 3.7% kepada 420,269 penumpang (Januari – Julai 2008: 436,620) disebabkan oleh peningkatan penggunaan kenderaan persendirian. Purata bilangan penumpang harian perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang (Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, *Express Rail Link* dan KTM Komuter) juga merosot 3.5% kepada 439,099 penumpang (Januari – Julai 2008: 1.5%; 454,903).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, bilangan penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perkhidmatan antara bandar



meningkat dengan ketara sebanyak 21.3% kepada 2.4 juta (Januari – Julai 2008: -0.1%; 2.0 juta), seterusnya meningkatkan kutipan hasil sebanyak 14.3% kepada RM47.6 juta (Januari – Julai 2008: 9.0%; RM41.6 juta). Peningkatan ini berikutan pengenalan perkhidmatan *shuttle* baru seperti Kuala Lumpur – Ipoh, Kuala Lumpur – Butterworth serta Johor Bahru – Singapura. Sebaliknya, hasil kargo KTMB merosot 8.3% kepada RM63.3 juta (Januari – Julai 2008: 0.4%; RM69.0 juta), berikutan permintaan yang lebih rendah, terutamanya bagi operasi *landbridge* di antara Malaysia dan Thailand.

Usaha bersepadu sedang giat dijalankan untuk meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang daripada 16% kepada 25% menjelang akhir tahun 2012. Salah satu daripada inisiatif utama termasuk perolehan 35 set tren bagi Aliran Kelana Jaya yang akan beroperasi mengikut fasa mulai pertengahan November 2009. Sehingga kini, 13 set tren sedang melalui pelbagai fasa pengujian, penyiapan dan perjalanan pra-operasi. Kerja-kerja memanjangkan Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang yang dijangka bermula pada awal tahun 2010, juga bakal memanfaatkan lebih 2 juta penduduk di kawasan Subang Jaya – USJ dan Kinrara – Puchong apabila siap pada tahun 2012.

Di samping itu, perkhidmatan KTM Komuter telah disambung ke Tanjung Malim mulai 1 Jun 2009 manakala perkhidmatan Sentul – Batu Caves dijangka bermula pada bulan Mac 2010 berikutan penyiapan projek landasan berkembar elektrik Sentul – Batu Caves. Usaha lain termasuk integrasi berterusan mod pengangkutan melalui peningkatan *connectivity*, kekerapan dan kapasiti perkhidmatan, kemudahan pembelian tiket *online* serta penambahan kaunter tiket di pelbagai stesen. Prestasi segmen pengangkutan darat dijangka akan disokong oleh projek infrastruktur pengangkutan awam yang berterusan.

Nilai ditambah **subsektor utiliti** dijangka merosot 1.4% pada tahun 2009 (2008: 2.1%) berikutan permintaan bekalan elektrik yang lebih rendah. Dalam tempoh separuh pertama 2009, jumlah penjanaan elektrik menguncup 4.9%, manakala jualan elektrik merosot 5.1% (Januari – Jun

2008: 3.8%; 5.8%), sejajar dengan kemerosotan dalam sektor pembuatan sebanyak 16.2%. Dalam tempoh tersebut, segmen industri merangkumi 41.7% daripada jumlah penggunaan elektrik, diikuti oleh segmen komersial (34.8%) dan isi rumah (21.9%). Permintaan maksimum elektrik mencecah paras tertinggi pada 14,029 megawatt (MW) pada bulan Jun 2009 (Januari – Jun 2008: 14,007 MW; bulan Mei). Sementara itu, bekalan air meningkat 1.8% kepada 13,436 juta liter sehari (mld) (Januari – Jun 2008: 4.9%; 13,199 mld). Dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan bekalan air yang mapan dan efisien, Kerajaan telah memulakan program penstrukturan semula industri bekalan air. Di bawah inisiatif ini, tiga negeri iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah memeterai perjanjian pemindahan aset dan liabiliti kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Subsektor perkhidmatan lain dijangka meningkat 4.9% (2008: 5.2%) disokong oleh aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta yang lebih tinggi. Sehingga akhir Jun 2009, terdapat 452 institut pengajian tinggi swasta (IPTs), merangkumi 44 universiti swasta dan kolej universiti serta lima cawangan universiti asing, sementara bakinya adalah kolej swasta. Bagi perkhidmatan kesihatan, bilangan pesakit asing di hospital swasta dijangka meningkat kepada 430,000, menjana pendapatan sejumlah RM330 juta pada tahun 2009 (2008: 374,063; RM299.1 juta). Selain itu, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) akan ditubuhkan untuk mempromosikan dan membangunkan Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia. Sementara itu, **subsektor perkhidmatan kerajaan** dianggar berkembang 2.6% pada tahun 2009 (2008: 11.1%) berikutan perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi.

Sektor Pembuatan

Tanda-tanda pemulihan...

Sektor pembuatan menyusut 14.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 5.5%) kesan daripada kemerosotan mendadak industri berorientasi eksport dan domestik. Nilai jualan produk pembuatan juga menguncup 24.7%



JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan¹ Januari – Ogos (2005 = 100)

Industri	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Industri berorientasi eksport	113.1	91.6	4.9	-19.0	56.9	54.1
Produk elektronik dan elektrik	111.7	77.9	4.3	-30.3	29.2	23.9
Produk berasaskan petroleum	117.9	118.1	7.9	0.2	16.1	18.9
Tekstil, pakaian dan kasut	102.5	82.5	2.5	-19.5	1.7	1.6
Produk berasaskan kayu	93.2	70.9	-1.1	-23.9	3.6	3.2
Produk berasaskan getah	131.9	118.6	5.9	-10.1	2.9	3.0
Jentera dan kelengkapan	134.1	97.5	8.4	-27.3	2.3	2.0
Instrumen saintifik, optik dan perubatan	104.0	116.3	-4.7	11.8	1.1	1.5
Industri berorientasi domestik	119.8	108.1	7.6	-9.8	43.2	45.8
Kimia dan produk kimia	108.0	99.7	-1.4	-7.7	13.0	14.1
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	115.0	97.1	11.1	-15.5	3.0	3.0
Produk plastik	134.1	122.0	1.5	-9.1	4.0	4.2
Produk makanan	128.8	129.1	14.2	0.2	4.7	5.5
Kelengkapan pengangkutan	117.2	101.3	25.3	-13.5	4.4	4.5
Pemprosesan luar estet	112.5	105.6	15.8	-6.1	3.6	4.0
Produk logam yang direka	151.7	147.8	11.9	-2.5	3.7	4.2
Logam asas	132.1	88.9	8.8	-32.7	2.8	2.2
Kertas dan produk kertas	127.6	96.3	0.5	-24.5	1.4	1.2
Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan percetakan	128.6	122.2	11.8	-5.0	1.0	1.1
Minuman	119.1	105.2	8.1	-11.7	1.3	1.4
Produk tembakau	100.1	91.9	-3.2	-8.1	0.3	0.4
Jumlah	115.8	98.6	5.5	-14.8	100.0	100.0

¹ Pertumbuhan sektor pembuatan diukur berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP). Pengkajian semula IPP oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah meluaskan siasatan industri dan mencerminkan aktiviti semasa industri. Oleh itu, perubahan ini telah meningkatkan berat industri berorientasikan eksport kepada 45.8 mata berbanding 43.1 mata pada pengklasifikasian sebelum ini.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.4

Pertumbuhan Industri Berkaitan Pembinaan Januari – Ogos (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009	2008	2009
Industri berkaitan pembinaan	11.8	-11.2	7.3	7.8
Kaca dan produk kaca	27.2	-46.2	0.9	0.6
Produk galian bukan logam (t.s.t.l.)	5.2	-1.9	2.1	2.4
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	33.2	76.5	0.9	1.9
Dawai, produk dawai dan kancing logam	5.4	-21.9	0.7	0.7
Besi asas dan keluli	2.1	-40.8	1.8	1.3
Logam asas berharga dan bukan ferus	23.4	-18.4	0.9	0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.5


Pertumbuhan Industri E&E Januari – Ogos (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009	2008	2009
Jumlah pembuatan	5.5	-14.8	100.0	100.0
Jumlah produk E&E	4.3	-30.3	29.2	23.9
Semikonduktor dan lain-lain komponen	2.2	-27.1	12.2	10.4
Perkakas audio visual dan komunikasi	1.2	-24.4	4.2	3.7
Mesin pejabat, perakaunan dan pengira	9.2	-37.8	10.0	7.3
Jentera dan perkakas elektrik	2.1	-27.0	2.6	2.2
Peralatan domestik	-2.3	-17.8	0.3	0.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.




CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan
(% perubahan tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.3

Prestasi Industri Terpilih
(% perubahan tahunan)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kepada RM299.8 bilion (Januari – Ogos 2008: 17.6%; RM398.3 bilion). Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda pemulihan dalam trend penurunan ini. Berdasarkan perbandingan bulan sebelumnya, pengeluaran dan jualan produk pembuatan bertambah baik terutamanya sejak bulan Mac 2009. Perkembangan positif ini disokong seterusnya oleh perbelanjaan PRE, sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih baik.

Industri berorientasi domestik menyusut 9.8% (Januari – Ogos 2008: 7.6%) kesan daripada pengeluaran yang lebih rendah bagi kimia dan produk kimia, bahan berkaitan pembinaan serta produk makanan. Industri berorientasi eksport merosot 19.0% (Januari – Ogos 2008: 4.9%) dengan penguncupan yang ketara dalam pengeluaran produk elektrik dan elektronik (E&E), mesin dan peralatan (M&E) serta produk kayu disebabkan oleh permintaan luar yang lemah. Walau bagaimanapun, prospek yang lebih baik


dijangka bagi industri berorientasi eksport dalam tempoh separuh kedua tahun ini, berikutan pelbagai inisiatif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dunia. Tanda-tanda pemulihan dalam industri berorientasi domestik mula kelihatan, dicerminkan oleh peningkatan pengeluaran dalam industri berkaitan pembinaan dan berasaskan sumber serta subsektor kelengkapan pengangkutan. Kadar kapasiti penggunaan meningkat kepada 81.7% dalam tempoh suku ketiga 2009 (S2 2009: 78.2%). Ekoran perkembangan positif ini, nilai ditambah sektor pembuatan dijangka menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 12.1% pada tahun 2009.

Dalam **industri berorientasi domestik**, pengeluaran **kimia dan produk kimia** merosot 7.7% (Januari – Ogos 2008: -1.4%) akibat pengeluaran yang lebih rendah bagi gas perindustrian (-10.3%) dan kimia perindustrian asas (-4.8%). Output baja juga menyusut 19.2%



CARTA 3.4

Output Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

(Januari – Ogos 2008: -1.6%) disebabkan oleh permintaan yang lemah daripada ladang kelapa sawit ekoran harga komoditi yang belum pulih sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pengeluaran cat dan varnis kembali pulih 4.0% (Januari – Ogos 2008: -32.5%) sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi bagi kerja penyelenggaraan sekolah, kuarters dan hospital.

Pengeluaran **bahan berkaitan pembinaan** menyusut 11.2% (Januari – Ogos 2008: 11.8%) kesan daripada output yang lebih rendah bagi besi asas dan keluli (-40.8%) serta kaca dan produk kaca (-46.2%). Walau bagaimanapun, tempahan baru untuk beberapa bahan berkaitan pembinaan meningkat dirangsang oleh kerja-kerja awam yang dipercepatkan. Ini dicerminkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi produk struktur logam (76.5%), simen hidraul (5.1%) serta lain-lain artikel daripada konkrit, simen dan plaster

(2.0%). Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah termasuk memudahkan pengeluaran lesen import dan eksport serta lesen pembuatan bagi mengeluarkan produk besi dan keluli berkuat kuasa 1 Ogos 2009. Ini adalah untuk mempertingkatkan daya saing pengeluar besi tempatan. Tambahan pula, pengecualian duti import telah diumumkan pada bulan Jun 2009 bagi produk besi dan keluli serta pengurangan tarif secara berperingkat untuk produk yang panjang dan rata.

Pengeluaran **produk makanan** meningkat 0.2% (Januari – Ogos 2008: 14.2%) akibat output yang lebih rendah bagi minyak sawit bertapis, produk ikan diproses serta produk makanan lain. Walau bagaimanapun, pengeluaran susu pekat manis meningkat 35.8% berikutan kos bahan mentah tenusu yang lebih rendah. Output beras dan beras hancur meningkat 49.6% dan 8.9% (Januari – Ogos 2008: 13.6%; 17.9%). Selaras dengan pertambahan penduduk Muslim dan peningkatan kesedaran mengenai kebersihan dan keselamatan makanan, pasaran makanan halal global semakin berkembang dan ini dijangka dapat menyediakan lebih banyak peluang kepada pengeluar makanan halal Malaysia. Sementara itu, pengeluar makanan laut beku dan diproses kembali mengeksport ke Eropah pada bulan Jun 2009 setelah mematuhi syarat standard kesihatan Kesatuan Eropah (EU).

Output **produk plastik** menyusut 9.1% (Januari – Ogos 2008: 1.5%) disebabkan oleh permintaan komponen yang lebih rendah bagi subsektor E&E dan pengangkutan. Ini dicerminkan oleh pengeluaran yang lebih rendah bagi komponen diacu suntikan plastik (-9.3%) serta beg plastik dan filem (-14.7%). Walau bagaimanapun, produk teracu picitan plastik terus meningkat 11.2% (Januari – Ogos 2008: 5.8%) didorong oleh peningkatan permintaan bagi pembungkusan makanan dan minuman. Output **kelengkapan pengangkutan** merosot 13.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 25.3%) akibat pengeluaran yang lebih rendah bagi kenderaan perdagangan (-25.7%), motosikal dan skuter (-16.8%) serta kereta penumpang di bawah 1,500 cc (-8.3%). Alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor dan enjin menyusut 7.7% (Januari – Ogos 2008: 26.2%)



disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, output kereta penumpang lebih 1,500 cc, terutama segmen kereta mewah meningkat 6.9% (Januari – Ogos 2008: 75.9%). Untuk mengembangkan lagi pasaran kereta tempatan, Kerajaan telah memperkenalkan skim pelupusan kereta untuk menggantikan kereta melebihi jangka hayat 10 tahun. Pada akhir Ogos, sejumlah 7,188 kereta baru telah didaftarkan di bawah skim ini. Tambahan lagi, syarikat automobil juga melancarkan pakej promosi yang menarik dan memperkenalkan model baru untuk merangsang jualan kenderaan. Usaha ini dijangka dapat mengekalkan jumlah jualan kenderaan pada 500,000 unit bagi keseluruhan tahun 2009.

Dalam **industri berorientasi eksport**, pengeluaran **produk E&E** sebagai sebuah kumpulan menguncup dengan ketara sebanyak 30.3% (Januari – Ogos 2008: 4.3%) berikutan pengeluaran lebih rendah bagi peranti semikonduktor, mesin pejabat, perakaunan dan pengira serta perkakas audio visual dan komunikasi. Output peranti semikonduktor termasuk transistor elektronik dan litar bersepadu merosot 28.7% (Januari – Ogos 2008: -4.4%) berikutan perbelanjaan pengguna yang rendah ke atas alat elektronik di peringkat global. Pengeluaran kelengkapan pejabat, mesin kira dan kelengkapan komputer menjunam 37.8% (Januari – Ogos 2008: 9.2%). Walau bagaimanapun, tanda-tanda pemulihan bagi jualan elektronik di peringkat global mula kelihatan dalam tempoh suku kedua 2009. Menurut *Semiconductor Equipment and Materials International* (SEMI), nisbah *book-to-bill* merekodkan peningkatan berterusan sejak Februari kepada 1.06 pada bulan Julai 2009. Ini diperkukuhkan oleh jualan cip yang lebih tinggi di peringkat global yang meningkat 5.0% kepada USD19.1 bilion pada bulan Ogos 2009 (Julai 2009: USD18.2 bilion), didokong oleh pemulihan sederhana dalam permintaan produk pengguna seperti komputer *netbook* dan telefon bimbit. Tambahan pula, pakej pemulihan ekonomi AS yang memerlukan penggunaan komponen elektronik yang besar untuk pembangunan infrastruktur seperti teknologi *Smart Grid* dan informasi kesihatan dijangka meningkatkan permintaan global bagi produk elektronik. Begitu juga, pakej

rangsangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan China, khususnya subsidi untuk pembelian produk elektronik pengguna akan meningkatkan lagi permintaan elektronik di peringkat global. Perkembangan ini dijangka dapat menyokong industri E&E Malaysia.

Output **produk petroleum** meningkat 0.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 7.9%) ekoran pengeluaran lebih tinggi bagi gas dan minyak diesel (3.4%). Walau bagaimanapun, nilai jualan juga menguncup 33.9% kepada RM54.8 bilion (Januari – Ogos 2008: 49.5%; RM83.0 bilion) berikutan harga yang lebih rendah. Output **produk getah** merosot 10.1% (Januari – Ogos 2008: 5.9%) kesan daripada penguncupan pengeluaran getah, tayar dan tiub (-27.2%), sejajar dengan pertumbuhan perlahan industri automobil. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini diimbangi oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi sarung tangan getah yang meningkat kepada 14.8 bilion pasang (Januari – Ogos 2008: 14.7 bilion pasang). Nilai jualan meningkat 6.4% (Januari – Ogos 2008: 1.2%) disebabkan oleh harga yang lebih tinggi dan peningkatan permintaan luar terutamanya daripada industri perubatan dan penjagaan kesihatan.

Output **kayu dan produk kayu** merosot 23.9% (Januari – Ogos 2008: -1.1%) disebabkan oleh penyusutan pengeluaran kepingan venir (-32.1%), papan lapis (-26.3%) serta perabot kayu dan rotan (-33.8%). Output papan berlaminata, papan partikel dan kayu panel lain meningkat 18.2% (Januari – Ogos 2008: 43.1%) dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi bagi kerja pengubahsuaian dan penyelenggaraan pejabat serta bangunan. Pengeluaran **instrumen perubatan, optik dan saintifik** kembali pulih 11.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: -4.7%). Output yang lebih tinggi dirangsang oleh kenaikan jualan sebanyak 23.9% bagi kelengkapan perubatan dan pembedahan serta peralatan ortopedik. Prestasi yang memberangsangkan ini disebabkan oleh peningkatan permintaan domestik dan luar, terutamanya untuk menambahbaik kemudahan perkhidmatan penjagaan kesihatan, hospital dan klinik swasta serta peningkatan kesedaran kesihatan.



Output **tekstil, pakaian dan kasut** terus terjejas akibat permintaan global yang lembap. Pembuatan pakaian seperti benang kapas (-24.5%), blaus (-26.4%), kain kapas (-20.5%) dan kemeja (-19.2%) menguncup kesan daripada permintaan yang terus berkurangan disebabkan oleh persaingan sengit daripada pengeluar berkongsi rendah. Bagi mengurangkan kos, syarikat tekstil dikecualikan daripada pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk tempoh 6 bulan berkuat kuasa 1 Februari 2009. Sementara itu, output **M&E** merosot 27.3% (Januari – Ogos 2008: 8.4%) disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah bagi mesin penyaman udara, mesin penyejuk dan pengalih udara (-21.8%) serta pembuatan alat jentera (-37.0%).

Sektor Pertanian

Pengeluaran makanan mencatat pertumbuhan kukuh...

Sektor pertanian menguncup 2.0% dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 6.4%), sebahagian besar disebabkan oleh pengeluaran kelapa sawit yang lebih rendah yang mana merupakan penyumbang terbesar kepada sektor ini. Output subsektor bukan komoditi termasuk ternakan, perikanan dan pertanian lain berkembang kukuh berikutan pelaksanaan pelbagai program. Ini termasuk Projek Berimpak Besar (HIP) seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Pusat Fidlot Negara dan Ladang Kontrak. Program ini memberi fokus kepada mengkomersialkan dan memodenkan amalan pertanian bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani serta bekalan makanan. Bagi keseluruhan tahun, nilai ditambah sektor pertanian dijangka merosot 2.3% kesan daripada pengeluaran kelapa sawit dan getah yang lebih rendah. Namun demikian, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dianggarkan meningkat kepada 7.6%.

Nilai ditambah subsektor kelapa sawit merosot 3.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 22.7%) ekoran kejatuhan

pengeluaran minyak sawit mentah (CPO). Ini disebabkan oleh hasil yang lebih rendah dan cuaca yang kurang baik berserta peningkatan aktiviti penanaman semula. Dalam tempoh sembilan bulan pertama, pengeluaran CPO merosot 3.7% kepada 12.5 juta tan metrik (Januari – September 2008: 15.6%; 12.9 juta tan metrik). Bagi keseluruhan tahun, ia dijangka merosot 4.1% kepada 17.0 juta tan metrik.

Hasil buah tandan segar (FFB) merosot 13.6 tan metrik sehektar dalam tempoh sembilan bulan pertama (Januari – September 2008: 14.8 tan metrik sehektar) akibat musim melawas, curahan hujan lebat pada awal tahun dan aktiviti penanaman semula. Memandangkan 6.0% atau 280,000 hektar ladang kelapa sawit dalam negara mempunyai pokok yang berusia lebih daripada 25 tahun, Kerajaan telah memperuntukkan subsidi sejumlah RM6,000 sehektar di bawah Skim Insentif Penanaman Semula Kelapa Sawit. Skim ini bertujuan membantu aktiviti penanaman semula yang mensasarkan 200,000 hektar dan merupakan tambahan kepada subsidi berjumlah RM1,000 sehektar yang telah diberi pada tahun 2008. Sementara itu, kadar perahan minyak sawit meningkat 20.5% (Januari – September 2008: 20.2%) hasil daripada peningkatan kecekapan pengilangan dan amalan *zero tolerance of unripe fruit*.

Jumlah keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit meningkat 3.9% kepada 4,575,121 hektar (akhir Jun 2008: 3.8%; 4,401,344 hektar) berikutan pertambahan kawasan tanaman baru terutamanya di Sarawak. Daripada jumlah ini, 88.0% atau 4,024,172 hektar merangkumi kawasan matang; 1.0% kawasan baru; 0.8% kawasan penanaman semula dan selebihnya kawasan tanaman belum matang. Daripada jumlah keseluruhan kawasan, Sabah kekal sebagai kawasan penanaman terbesar dengan 29.2%, diikuti Sarawak (17.3%) dan Johor (15.4%). Estet swasta memiliki 2,746,833 hektar atau 60.0% daripada jumlah kawasan penanaman, manakala 27.4% diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan



Getah (RISDA) dan agensi kerajaan lain, manakala baki sebanyak 12.6% dimiliki oleh pekebun kecil. Sementara itu, pembersihan tanah baru dijangka meningkatkan kawasan penanaman kelapa sawit sebanyak 3.6% kepada 4,650,000 hektar pada tahun 2009. Pelaksanaan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) di Lahad Datu, Sabah, Tanjung Manis dan Bintulu di Sarawak dan Tanjung Langsat di Johor merencanakan lagi pembesaran kawasan penanaman kelapa sawit. Selain daripada membantu proses hiliran dan eksport minyak sawit, POIC juga bertindak sebagai penggerak dalam meningkatkan nilai rantai industri kelapa sawit.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2009, harga purata CPO (Hantaran Tempatan) meningkat kepada RM2,234 setan metrik ekor kekangan penawaran dan kejatuhan stok. Harga CPO dijangka teguh dalam tempoh separuh kedua berikutan permintaan bermusim yang kukuh dan keseimbangan pengurangan pengeluaran kesan daripada El Nino. Stok minyak sawit merosot 19.1% kepada 1.6 juta tan metrik pada akhir September 2009 (akhir September 2008: 33.5%; 2.0 juta tan metrik). Ini disebabkan oleh pengeluaran yang rendah dan peningkatan permintaan berikutan aktiviti penyimpanan stok bagi bulan Ramadhan oleh pembeli luar negara. Berikutan ini harga CPO dijangka berada pada purata RM2,300 setan metrik pada tahun 2009.

Nilai ditambah bagi **subsektor getah** mencatatkan penguncupan ketara sebanyak 31.5% (Januari – Jun 2008: -4.5%) disebabkan oleh penurunan pengeluaran getah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama, pengeluaran getah menyusut 29.7% kepada 466,501 tan metrik (Januari – Julai 2008: -5.4%; 663,799 tan metrik) berikutan permintaan yang lemah. Pengurangan kawasan tanaman juga mengakibatkan pengeluaran yang lebih rendah. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran getah dijangka merosot 21.7% kepada 840,000 tan metrik. Walau bagaimanapun, purata hasil sehektar dijangka meningkat kepada 1.5 tan metrik (2008: 1.4 tan metrik) berikutan penggunaan secara meluas Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) dan penggunaan klon berhasil tinggi. Klon getah berhasil tinggi terkini, RRIM 3001 dijangka meningkatkan pengeluaran getah lateks sehingga

3,000 kilogram sehektar setahun. Tambahan pula, ia juga boleh menjadi sumber kayu getah yang baik bagi industri perabot tempatan. Lebih kurang 95% daripada jumlah output getah dihasilkan oleh pekebun kecil dan selebihnya oleh pengusaha estet. Malaysia kekal sebagai pengeluar getah asli ketiga terbesar dunia, selepas Thailand dan Indonesia, menyumbang 10.4% kepada jumlah keseluruhan bekalan dunia.

Jumlah kawasan penanaman getah dijangka berkurangan kepada 1,237,000 hektar pada tahun 2009 berikutan penukaran kepada kegiatan bukan pertanian dan tanaman yang lebih lumayan serta pengurangan kawasan tanaman baru bagi tanaman getah di Semenanjung Malaysia. Bagi mengekalkan pertumbuhan industri getah, Kerajaan mensasarkan sekurang-kurangnya satu juta hektar kawasan tanaman getah dengan penanaman semula 20,000 hektar setahun. Sehubungan itu, lebih kurang 8,800 hektar kawasan telah ditanam semula dalam tempoh enam bulan pertama 2009. Tambahan pula, ladang kelapa sawit di kawasan bukit dijangka ditukar kepada tanaman getah berikutan kos memungut hasil yang lebih tinggi.

Purata harga getah asli *Standard Malaysian Rubber 20* (SMR 20) merosot kepada RM5.71 sekilogram dalam tempoh sembilan bulan pertama 2009 (Januari – September 2008: RM9.18 sekilogram) disebabkan permintaan dunia yang lebih rendah. Harga getah dijangka didagangkan lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua 2009, disokong oleh pemulihan permintaan dunia. Namun bagi keseluruhan tahun, ia dijangka berada pada purata RM5.70 sekilogram (2008: RM8.31 sekilogram).

Nilai ditambah **subsektor perikanan** merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 10.4% (Januari – Jun 2008: 2.0%) berikutan peningkatan pendaratan ikan laut dan pengeluaran akuakultur. Pendaratan ikan laut berkembang 4.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama (Januari – Julai 2008: 0.9%) ekor pemberian pelbagai insentif oleh Kerajaan. Ini termasuk elaun bulanan RM200 kepada pengendali bot ikan dan bot nelayan berlesen, pemberian insentif 10 sen sekilogram untuk tangkapan yang mendarat di jeti milik Jabatan Perikanan



JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2008 – 2009

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Pertanian	4.0	-2.3	100.0	100.0
Kelapa sawit	12.1	-3.5	32.4	32.0
Getah	-10.6	-23.0	5.5	4.3
Koko	-19.3	-19.3	0.1	0.1
Perhutanan dan pembalakan	-5.6	-14.3	19.8	17.4
Pertanian lain-lain ²	5.8	7.1	15.9	17.4
Perikanan	4.0	7.9	16.2	17.9
Ternakan	7.9	5.3	10.1	10.9

¹ Anggaran.² Termasuk padi, sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2008 – 2009

	2008		2009 ¹		Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,247	1,237	1.4	-0.8		
Kebun kecil	1,186	1,177	0.8	-0.7		
Estet	61	60	14.5	-2.5		
Hasil (kg sehektar)						
Kebun kecil	1,420	1,440	0.4	1.4		
Estet	1,600	1,610	-1.2	0.6		
Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)	1,072	840	-10.6	-21.7		
Kebun kecil	1,013	798	-10.6	-21.2		
Estet	59	42	-10.8	-29.5		
% daripada pengeluaran dunia	10.9	10.4				

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.7

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2008 – 2009

	2008		2009 ¹		Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	4,488	4,650	4.3	3.6		
Kawasan matang ('000 hektar)	3,916	3,800	4.0	-3.0		
Pengeluaran ('000 tan metrik)						
Minyak kelapa sawit	17,734	17,000	12.1	-4.1		
Minyak isirong kelapa sawit	2,131	2,040	11.7	-4.3		
Hasil (tan/hektar)²	20.2	20.1	6.2	-0.2		

¹ Anggaran.² Hasil buah tangan segar.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2008 – 2009

('000 tan metrik)

	2008		2009 ¹		Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Padi	2,353	2,460	-1.0	4.6		
Ternakan						
Daging ²	235.2	235	-0.7	-0.1		
Ayam	1,163	1,227	5.7	5.5		
Telur (juta)	8,715	9,275	6.3	6.4		
Susu (juta liter)	56	63	10.6	10.9		
Pertanian pelbagai						
Buah-buahan ³	1,101	1,179	-4.3	7.1		
Lada	22	23	11.1	3.5		
Sayuran	754	758	8.5	0.5		
Kelapa	470	480	-6.9	2.1		
Tembakau (juta kg) ⁴	60	63	-1.3	4.5		
Bunga (juta keratan)	150	154	-0.1	2.5		

¹ Anggaran.² Termasuk daging lembu, khinzir dan kambing.³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu batu, manggis, pisang, rambutan, mangga dan nanas.⁴ Daun tembakau hijau dan kering.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia.




CARTA 3.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama (pada harga malar 2000)



¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



dan subsidi diesel sebanyak RM1.43 seliter untuk nelayan. Usaha Kerajaan dalam menaik taraf dan membina jeti baru turut menyumbang kepada peningkatan pendaratan ikan. Sementara itu, pengeluaran akuakultur meningkat ketara sebanyak 30.2% (Januari – Julai 2008: 8.2%) berikutan pelaksanaan Zon Industri Akuakultur (ZIA). Pada akhir Jun 2009, sebanyak 20 ZIA telah diwujudkan. Bagi keseluruhan tahun, subsektor perikanan dianggar berkembang kukuh sebanyak 7.9% (2008: 4.0%).

Nilai ditambah **subsektor ternakan** mencatatkan pertumbuhan 5.2% (Januari – Jun 2008: 6.3%) dipacu oleh peningkatan pengeluaran ayam dan lembu. Pengeluaran ayam dijangka berkembang 5.5% (2008: 5.7%) hasil daripada penubuhan Taman Kekal Pengeluaran bagi Industri Ayam di Johor, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Pengenalan dan pemindahan teknologi *effective microorganism*, sistem penternakan moden serta insentif penambahbaikkan reban menyumbang

kepada peningkatan pengeluaran ayam. Nilai ditambah bagi lembu meningkat 12.5% manakala kambing 38.8% (Januari – Jun 2008: 10.9%; -6.7%) berikutan amalan integrasi ladang, ladang fidlot komersial dan pelaksanaan Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST). Pada tahun 2009, subsektor ini dijangka berkembang 5.3% (2008: 7.9%).

Nilai ditambah **subsektor pertanian lain** yang terdiri daripada padi, nanas, tembakau, kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga, teh dan lada mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 8.8% (Januari – Jun 2008: 5.6%). Ini berikutan pertambahan kawasan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta penggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP). Pada tahun 2009, tahap sara diri (SSL) bagi buah-buahan dijangka mencapai 64.6% (2008: 61.6%) berikutan pelaksanaan Program Dusun Komersial dan peningkatan penggunaan tanah terbiar bagi tujuan pertanian.



Pengeluaran padi dijangka kembali pulih 4.6% pada tahun 2009 (2008: -1.0%) ekoran penggunaan teknologi secara meluas, penambahbaikan sistem pengairan dan saliran serta pelaksanaan GAP. Pelbagai insentif telah diberikan bagi meningkatkan pengeluaran padi termasuk subsidi baja dan RM100 sehektar untuk aktiviti pembajakan. Hasil sehektar dianggarkan meningkat kepada purata 3.7 tan metrik (2008: 3.6 tan metrik sehektar), dengan 4.3 tan metrik (2008: 4.2 tan metrik sehektar) di kawasan jelapang. SSL bagi padi dianggarkan mencapai 71% (2008: 69%) berikutan pelaksanaan Pelan Peningkatan Beras Negara.

Sektor Perlombongan

Pengeluaran yang lebih rendah...

Nilai ditambah **sektor perlombongan** menguncup 3.9% dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 1.6%) disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah. Sektor ini terjejas berikutan permintaan lemah daripada pengimport utama dan harga yang lebih rendah. Seiring dengan pemulihan ekonomi global dan peningkatan eksport gas asli cecair (LNG) ke negara China, sektor ini dijangka bertambah baik dalam tempoh separuh kedua. Namun, ia menyusut pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.9% pada tahun 2009.

Pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) merosot 5.0% kepada 667,862 tong sehari (tsh) dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 5.7%; 703,076 tsh) akibat permintaan luar dan harga yang lebih rendah. Keadaan menjadi lebih buruk dengan penutupan loji minyak yang tidak dirancang terutamanya di Semenanjung Malaysia. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran minyak mentah dijangka berkurangan 4.8% kepada 663,000 tsh (2008: 2.0%; 696,200 tsh).

Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) telah menemui satu telaga minyak (PAUS) di luar pesisiran pantai Sarawak dan satu telaga gas baru (Sepat Barat) di luar pesisiran pantai

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2008 – 2009

	Perubahan (%)			
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² (‘000 tong sehari)	696.2	663	2.0	-4.8
Simpanan (bilion tong)	5.46	5.52	1.9	1.1
Simpanan/Pengeluaran (tahun)	22	22		
Gas asli				
Pengeluaran ³ (‘000 juta kaki padu standard) (jkps)	2,042.1	2,084.2	-16.2	2.1
Simpanan (trilion kaki padu)	88.0	87.9	-1.0	-0.1
Simpanan/Pengeluaran (tahun)	36	36		

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS).

di Semenanjung Malaysia pada tahun 2009. Sebanyak tujuh telaga minyak dan sembilan telaga gas baru telah memulakan pengeluaran, meningkatkan bilangan loji pengeluaran di Malaysia kepada 104 buah yang mana 68 adalah medan minyak dan selebihnya medan gas. Pada masa ini, Nisbah Penggantian Rizab (RRR) minyak mentah Malaysia berada pada tahap 1.1 kali. Pada 1 Januari 2009, rizab minyak mentah negara berada pada paras 5.52 bilion tong dan ia dianggarkan bertahan selama 22 tahun berdasarkan pengeluaran semasa.

Pengeluaran **gas asli** menyusut 1.5% kepada 1,353,651 juta kaki padu standard (jkps) dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: -14.8%; 1,373,630 jkps), sebahagiannya disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah. Bagi keseluruhan tahun, pengeluaran gas asli dijangka bertambah 2.1% kepada 2,084,200 jkps berikutan permintaan yang lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua dan peningkatan



penghantaran LNG ke negara China. Tambahan pula, projek pembesaran fasiliti MLNG DUA di Bintulu dijangka dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran sebanyak 1.2 juta tan metrik. Pada 1 Januari 2009, rizab gas asli berada pada paras 87.9 trilion kaki padu, mencukupi untuk menampung keperluan selama 36 tahun.

Berikutan penggunaan minyak yang melebihi jangkaan di AS, negara China dan India, *International Energy Agency* (IEA) telah meningkatkan unjuran bagi permintaan minyak dunia sebanyak 500,000 tsh kepada 84.4 juta tsh bagi tahun 2009. Harga minyak mentah *West Texas Intermediate* (WTI) yang jatuh kepada harga terendah sejak lima tahun lepas iaitu USD31.41 setong pada bulan Disember 2008 telah pulih pada harga purata USD69.44 setong pada bulan September 2009. Sejajar dengan perkembangan ini, *Tapis Blend* diniagakan pada harga purata USD70.94 setong pada bulan September 2009 (Disember 2008: USD42.65 setong) dan dijangka berada pada purata USD65.00 setong pada tahun 2009.


Sektor Pembinaan

Pertumbuhan semakin meningkat...

Sektor pembinaan berkembang 2.0% dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 4.5%) disokong oleh prestasi kukuh subsektor kediaman, bukan kediaman dan kerja pertukangan khas. Pertumbuhan ini dijana oleh pelaksanaan pelbagai projek PRE, antaranya termasuk membina rumah kos rendah dan sederhana, kerja menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara bangunan awam serta jalan luar bandar. Sehingga 30 September 2009, sebanyak 84,729 projek bernilai RM13.7 bilion telah dilaksanakan. Selain daripada peningkatan perbelanjaan Kerajaan, pemulihan sentimen pengguna dan keadaan pasaran buruh yang semakin stabil serta prestasi kukuh FBM KLCI dijangka menyokong perkembangan sektor ini. Justeru, sektor ini dianggar berkembang 3.5% pada tahun 2009, yang merupakan pertumbuhan positif selama tiga tahun berturut-turut.

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).


Subsektor kejuruteraan awam jatuh 2.5% (Januari – Jun 2008: 6.3%) akibat prestasi lemah dalam tempoh suku pertama 2009. Ini berikutan kebanyakan projek siap dilaksanakan di penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) seperti Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) dan Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS). Walau bagaimanapun, projek kejuruteraan awam yang berterusan dan pelaksanaan PRE untuk menaik taraf infrastruktur luar bandar dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini. Projek yang sedang dilaksanakan termasuk Lebuhraya Pantai Timur Fasa Dua Jabur – Kuala Terengganu, menaik taraf Jambatan Pulau Pinang, projek landasan berkembar elektrik Sentul – Batu Caves dan Seremban – Gemas serta Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS).

Aktiviti **subsektor kediaman** meningkat 3.6% (Januari – Jun 2008: 3.5%) dalam tempoh




CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).



separuh pertama 2009. Pelaksanaan projek *Home Ownership for the People* (HOPE) bertujuan menyediakan rumah berkos rendah dan sederhana mampu milik telah mengimbangi kelembapan aktiviti pembinaan kediaman swasta. Sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan di bawah PRE I untuk membina 2,733 unit Rumah Mesra Rakyat bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana, yang mana sebanyak 1,200 unit telah siap dibina. Meskipun aktiviti pembinaan kediaman swasta perlahan, pembinaan harta tanah bernilai tinggi menunjukkan prestasi lebih baik dengan pelancaran kondominium dan apartmen baru merekodkan kadar ambilan sebanyak 32.0% kepada 1,178 unit dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 16.0%; 1,029 unit). Berikutan sentimen berhati-hati pemaju, pelancaran unit baru kediaman mencatatkan jumlah yang lebih rendah iaitu 16,069 unit (Januari – Jun 2008: 36,033 unit). Dalam tempoh yang sama, sejumlah 55,682 unit kediaman telah siap dibina

dan meningkatkan jumlah stok sebanyak 3.2% kepada 4,264,649 unit. Harta tanah siap dibina tidak terjual menunjukkan prestasi yang baik dengan catatan 21,467 unit pada akhir Jun 2009 (akhir Disember 2008: 26,029 unit) berikutan peningkatan jualan unit harta tanah bernilai tinggi dan pengurangan penawaran.

Pembeli rumah kos rendah diberikan pengecualian penuh duti setem bagi merangsangkan lagi permintaan. Manakala bagi pembeli rumah kos sederhana, pengecualian 50% duti setem diberikan bagi rumah yang berharga tidak melebihi RM250,000. Suntikan dana tambahan berjumlah RM100 juta ke dalam Skim Jaminan Kredit Perumahan untuk membantu golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap berpeluang memiliki rumah. Pembeli rumah juga diberi pelepasan cukai ke atas faedah pinjaman perumahan sehingga RM10,000 setahun selama tiga tahun. Tempoh bayaran balik pinjaman bagi kakitangan Kerajaan



JADUAL 3.11

Projek Utama Yang Sedang Dilaksanakan

Projek	Peruntukan 2009 RM juta
Landasan Berkembar Elektrik Seremban – Gemas	1,000.0
Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS)	600.0 ¹
Penyaluran Air Mentah dari Pahang – Selangor	515.5
Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)	435.5
Landasan Berkembar Elektrik Sentul – Batu Caves	138.0
Menaik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu	109.0
Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 Jabur – Kuala Terengganu	100.0
Menaik taraf Jambatan Pulau Pinang	86.1
Lebuh raya Senai – Desaru	70.1

¹ Peruntukan di bawah Pakej Rangsangan 1 dan 2.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pula dilanjutkan daripada 25 kepada 30 tahun. Kadar faedah yang rendah dan tawaran pakej yang menarik dari pemaju membantu mengembalikan minat membeli terutamanya bagi harta tanah bernilai tinggi dan di lokasi terpilih.

Garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) bagi pindah milik harta tanah dilonggarkan untuk merangsang kemasukan pelaburan asing dalam pasaran harta tanah. Kelulusan hanya diperlukan sekiranya melibatkan pelupusan harta tanah Kerajaan dan Bumiputera yang bernilai RM20 juta dan ke atas.

Subsektor bukan kediaman berkembang 6.3% (Januari – Jun 2008: 1.6%) disokong oleh aktiviti pembinaan yang berterusan dalam harta tanah komersial terutamanya pejabat binaan khas dan hotel. Kadar penghunian bagi pejabat binaan khas dalam tempoh suku kedua 2009

meningkat kepada 85.7% (S1 2009: 85.2%) berikutan peningkatan keyakinan perniagaan dalam tempoh suku kedua 2009. Dalam tempoh separuh pertama 2009, sebanyak 19 kompleks membeli belah baru menyumbang kepada 224,175 meter persegi (mp) bagi ruang niaga baru telah siap dibina (Julai – Disember 2008: 16; 273,236 mp). Sehubungan itu, stok sedia ada ruang niaga pada akhir Jun 2009 berkembang 2.7% kepada 9.98 juta mp (akhir Mac 2009: 2.9%; 9.72 juta mp). Meskipun keadaan aktiviti ekonomi perlahan, kadar penghunian ruang niaga kekal tinggi pada 81.7% dalam tempoh suku kedua 2009 (S1 2009: 81.6%), mencerminkan sentimen pengguna dan perniagaan yang mapan dalam perdagangan runcit.

Aktiviti pembinaan harta tanah riadah terus berkembang disokong oleh usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosikan industri berkaitan pelancongan. Ini membantu merancakkan aktiviti pembinaan 77 hotel dengan 20,921 bilik (Januari – Jun 2008: 72 hotel; 18,827 bilik). Dalam tempoh separuh pertama 2009, lapan hotel baru telah siap dibina merangkumi 1,208 bilik (Julai – Disember 2008: lima hotel; 933 bilik). Terdapat dua buah hotel yang telah siap dibina, masing-masing di Sarawak dan Sabah serta sebuah hotel baru, masing-masing di Putrajaya, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu.

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Permintaan domestik kekal kukuh...

Pertumbuhan ekonomi dijangka dipacu oleh permintaan domestik yang berkembang 1.5% pada tahun 2009 (2008: 6.8%). Ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan sektor awam yang dianggar meningkat 12.0% (2008: 6.3%). Sebaliknya, perbelanjaan sektor swasta dijangka menguncup 2.4% (2008: 7.0%).

Pelaburan swasta dijangka menguncup 20.0% (2008: 0.8%) berikutan sentimen perniagaan yang berhati-hati. Hasil Penyiasatan Jangkaan



JADUAL 3.12

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat 2008 – 2010

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²	2008	2009 ¹	2010 ²
KDNK	4.6	-3.0	2.0-3.0	100.0	100.0	100.0	4.6	-3.0	2.0-3.0
Permintaan dalam negeri³	6.8	1.5	1.2	88.4	92.5	91.3	5.9	1.3	1.1
Perbelanjaan swasta	7.0	-2.4	2.9	64.2	64.6	64.9	4.4	-1.6	1.9
Penggunaan	8.5	1.6	2.9	52.4	54.8	55.0	4.3	0.8	1.6
Pelaburan	0.8	-20.0	3.4	11.8	9.8	9.9	0.1	-2.4	0.3
Perbelanjaan awam	6.3	12.0	-3.0	24.2	27.9	26.4	1.5	2.9	-0.8
Penggunaan	10.9	2.2	-3.4	13.7	14.4	13.6	1.4	0.3	-0.5
Pelaburan	0.7	24.8	-2.5	10.5	13.5	12.8	0.1	2.6	-0.3
Perubahan dalam stok				-1.5	-2.6	0.1			
Sektor luar	-3.5	-25.4	-12.2	13.1	10.1	8.6	-0.5	-3.3	-1.2
Eksport ⁴	1.3	-15.6	3.5	118.4	103.0	104.0	1.6	-18.4	3.6
Import ⁴	1.9	-14.4	5.2	105.3	93.0	95.4	2.1	-15.1	4.8
KDNK (RM bilion, harga semasa)	738.7	691.9	724.5						
Perubahan (%)	15.5	-6.3	4.7						

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Perniagaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan perbelanjaan modal sektor swasta menyusut 6.6% dalam tempoh separuh pertama 2009 (Januari – Jun 2008: 50.0%). Sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah perbelanjaan modal dengan sumbangan 36.1%, diikuti oleh sektor perkhidmatan (30.2%).

Perbelanjaan modal yang lebih rendah ini sejajar dengan penunjuk pelaburan utama. Import barangan modal dan barangan pengantara menyusut 11.8% dan 28.5% (Januari – Ogos 2008: 5.0%; 11.4%), manakala jualan kenderaan perdagangan merosot 3.4% dalam tempoh




lapar bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 16.3%). Sementara itu, nilai pinjaman keseluruhan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor bukan isi rumah menguncup 5.7% kepada RM325.2 bilion (Januari – Ogos 2008: 13.4%; RM345.0 bilion).

Jumlah projek yang diluluskan bagi sektor pembuatan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berkurangan 60.4% kepada RM19.1 bilion dalam tempoh lapar bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 35.0%; RM48.4 bilion). Begitu juga, pelaburan langsung asing (FDI) merosot 66.7% (Januari – Ogos 2008: 95.3%) disebabkan oleh kelembapan ekonomi



CARTA 3.8




Penunjuk Pelaburan Swasta



¹ Anggaran.

CARTA 3.9

Penunjuk Penggunaan Swasta



¹ Anggaran.

² Pada akhir September 2009.



dunia dan persaingan sengit daripada negara membangun yang lain. Dalam tempoh yang sama, daripada RM12.1 bilion FDI yang diluluskan oleh MIDA, negara Jepun (RM6.5 bilion) merupakan penyumbang utama, diikuti oleh Singapura (RM1.6 bilion) dan Taiwan (RM0.6 bilion). Sementara itu, pelaburan domestik sektor pembuatan yang diluluskan merekodkan penguncupan kepada RM7.0 bilion (Januari – Ogos 2008: RM11.9 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, Selangor (174 projek), Johor (101 projek), dan Pulau Pinang (77 projek), terus menarik sebahagian besar daripada jumlah projek yang diluluskan. Lebih kurang 70% daripada jumlah projek yang diluluskan adalah di ketiga-tiga negeri tersebut. Walau bagaimanapun, dari segi nilai, Sarawak mencatatkan nilai pelaburan tertinggi berjumlah RM7.8 bilion ekoran terdapatnya sumber alam semula jadi serta usaha menggalakkan pembangunan seimbang dalam negara menerusi Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Sementara itu, kimia dan produk kimia merupakan industri yang menerima pelaburan tertinggi sebanyak RM8.0 bilion.


Pelbagai langkah telah diambil untuk mengembalikan kedudukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik. Liberalisasi 27 subsektor perkhidmatan dan sektor kewangan dijangka meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan. Tambahan pula, pembukaan industri pengurusan dana dan broker saham kepada syarikat asing dijangka merancakkan pasaran modal. Pemansuhan pemilikan Bumiputera dalam perolehan pegangan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan serta pelonggaran panduan dalam pindah milik harta tanah dapat menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Berikutan pelaksanaan pelbagai langkah ini beserta usaha berterusan Kerajaan dalam menarik pelaburan kelima-lima koridor wilayah, pelaburan swasta dijangka merekodkan penyusutan yang lebih kecil dalam tempoh separuh kedua. Ini selaras dengan peningkatan *Business Conditions Index*

(BCI) sebanyak 14.1 mata kepada 113.7 mata dalam tempoh suku ketiga 2009.

Penyusutan pelaburan swasta diimbangi oleh peningkatan **pelaburan awam** yang dijangka berkembang 24.8% (2008: 0.7%) disokong oleh pelaksanaan PRE. Pembinaan rumah kos rendah serta menaik taraf infrastruktur dan keperluan asas akan mengukuhkan sumber pertumbuhan domestik. Pelaburan sektor awam turut disokong oleh perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). PETRONAS meneruskan pelaburan dalam aktiviti carigali minyak dan gas serta menaik taraf loji MLNG DUA di Bintulu. Pelaburan Tenaga Nasional Berhad (TNB) termasuk membaik pulih loji janakuasa utama, projek pemulihan dan kerja-kerja pengubahsuaian. Sementara itu, sebahagian besar perbelanjaan modal oleh TM bertujuan meningkatkan jaringan telekomunikasi termasuk pelaksanaan HSBB.

CARTA 3.10

Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.



JADUAL 3.13

**Jurang Tabungan Pelaburan
2006 – 2010**

(pada harga semasa)

	2006	2007	2008	2009 ¹	2010 ²
	RM juta				
Sektor awam					
Tabungan	83,226	103,841	80,879	91,011	102,248
Pembentukan modal dalam negeri	57,074	61,721	64,417	82,111	81,872
Lebihan/Defisit	26,152	42,120	16,462	8,900	20,376
Sektor swasta					
Tabungan	130,293	135,278	189,918	134,579	140,987
Pembentukan modal dalam negeri ³	60,416	76,988	76,867	51,649	70,403
Lebihan/Defisit	69,877	58,290	113,051	82,930	70,583
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	213,519	239,119	270,797	225,590	243,235
(% daripada KNK)	38.3	38.2	37.9	33.1	34.2
Pembentukan modal dalam negeri ³	117,490	138,709	141,284	133,760	152,275
(% daripada KNK)	21.1	22.2	19.8	19.6	21.4
Lebihan/Defisit	96,029	100,410	129,513	91,830	90,959
(% daripada KNK)	17.2	16.0	18.1	13.5	12.8

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Termasuk perubahan dalam stok.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Penggunaan swasta dianggap meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 1.6% (2008: 8.5%). Pertumbuhan ini dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2009 didorong oleh kadar faedah yang rendah serta pendapatan boleh guna isi rumah yang kukuh. Pengurangan tiga peratus caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka dapat menyalurkan sehingga RM5 bilion ke dalam ekonomi. Trend positif dalam penggunaan swasta ini juga dicerminkan melalui prestasi penunjuk penggunaan utama seperti pengeluaran pinjaman bagi penggunaan kredit dan perbelanjaan menerusi kad kredit yang bertambah sebanyak 8.9% dan 6.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009. Ini sejajar dengan *Consumer Sentiments Index* (CSI) yang meningkat kukuh sebanyak 16.5 mata kepada 105.4 mata dalam tempoh suku ketiga 2009, mencerminkan jangkaan pemulihan dalam ekonomi. Sementara itu, **penggunaan awam**

diunjur berkembang 2.2% (2008: 10.9%) didorong oleh peningkatan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan.

Kedudukan Sumber Negara

Jurang tabungan kekal mencatat lebihan...

Pendapatan negara dalam harga semasa diunjur menyusut 4.8% (2008: 14.2%). **Tabungan Negara Kasar (TNK)** terus merosot 16.7% kepada RM225.6 bilion, merangkumi 33.1% daripada KNK (2008: 37.9%) dengan sektor swasta menyumbang 59.7% kepada jumlah tabungan tersebut (2008: 70.1%). **Jurang tabungan pelaburan** pada tahun 2009 dijangka mencatat lebihan sebanyak RM91.8 bilion (2008: RM129.5 bilion), mencukupi untuk membiayai aktiviti ekonomi domestik.



JADUAL 3.14

Eksport Kasar 2008 – 2009

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Barangan pembuatan	495,337	406,971	3.7	-17.8	74.7	76.7
Barangan pertanian	64,651	46,824	34.2	-27.6	9.7	8.8
Barangan perlombongan	85,469	65,157	42.9	-23.8	12.9	12.3
Lain-lain	18,037	11,674	8.6	-35.3	2.7	2.2
Eksport kasar	663,494	530,626	9.6	-20.0	100.0	100.0

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Prestasi Perdagangan Luar

Prestasi Eksport

Eksport kekal lemah...

Eksport menguncup sejak bulan Oktober 2008 sejajar dengan kelembapan ekonomi global. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, jumlah eksport menyusut 22.8% kepada RM347.1 bilion (Januari – Ogos 2008: 16.1%; RM449.9 bilion) disebabkan oleh permintaan lemah bagi produk pembuatan dan harga komoditi yang lebih rendah. Bagi keseluruhan tahun, eksport dijangka merosot 20.0% kepada RM530.6 bilion (2008: 9.6%; RM663.5 bilion). Eksport barangan pembuatan yang menyumbang 76.7% daripada jumlah eksport dijangka merosot 17.8% kepada RM407.0 bilion (2008: 3.7%; RM495.3 bilion), manakala eksport komoditi utama dijangka jatuh 25.4% kepada RM112.0 bilion (2008: 39.0%; RM150.1 bilion).

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport berkurangan...

Eksport **barangan pembuatan** menguncup 19.2% kepada RM272.5 bilion (Januari – Ogos 2008: 9.1%; RM337.1 bilion). Eksport terjejas

dengan teruk akibat kemelesetan secara serentak terutamanya di destinasi eksport utama seperti AS, Eropah dan negara Jepun. Kemerosotan eksport secara menyeluruh ini dicerminkan melalui permintaan yang berkurangan dalam kebanyakan subsektor.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, pendapatan eksport **E&E** yang menyumbang 55.8% kepada jumlah eksport barangan pembuatan merosot 19.2% (Januari – Ogos 2008: 1.0%). Ini disebabkan oleh penurunan eksport yang ketara dalam kelengkapan elektronik dan alat ganti (-26.8%), jentera dan produk elektrik (-22.5%) serta semikonduktor (-7.3%). Trend ini dijangka pulih seperti ditunjukkan dalam peningkatan nisbah *book-to-bill* dan jualan cip di peringkat global yang semakin baik. Berikutan perkembangan positif ini, eksport produk E&E dijangka kembali meningkat menjelang akhir tahun ini.

Eksport **kimia, produk kimia dan plastik** menyusut 25.0% (Januari – Ogos 2008: 17.7%) dalam tempoh lapan bulan pertama ekoran persaingan sengit daripada pengeksport Timur Tengah dan negara Asia yang lain. Pendapatan eksport produk plastik merosot 25.6% kesan daripada permintaan yang lebih rendah bagi bahan pembungkusan dan komponen untuk subsektor E&E, automobil serta telekomunikasi. Walau bagaimanapun, prestasi eksport bagi

JADUAL 3.15
**Eksport Barangan Pembuatan
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera	188,387	152,177	1.0	-19.2	55.9	55.8
Semikonduktor	61,237	56,760	-3.6	-7.3	18.2	20.8
Kelengkapan elektronik dan alat ganti	73,172	53,589	-1.4	-26.8	21.7	19.7
Produk elektrik dan jentera	53,977	41,828	10.5	-22.5	16.0	15.4
Produk bukan elektronik dan elektrik	148,693	120,300	21.5	-19.1	44.1	44.2
Kimia, produk kimia dan plastik	32,093	24,061	17.7	-25.0	9.5	8.8
Produk berasaskan petroleum	25,766	14,699	61.9	-43.0	7.6	5.4
Produk besi, keluli dan logam	20,295	15,437	17.0	-23.9	6.0	5.7
Produk berasaskan kayu	9,906	8,157	2.1	-17.7	2.9	3.0
Tekstil, pakaian dan kasut	7,313	6,289	4.6	-14.0	2.2	2.3
Makanan, minuman dan tembakau	12,608	10,745	45.6	-14.8	3.7	3.9
Produk berasaskan getah	8,661	8,037	27.4	-7.2	2.6	2.9
Kelengkapan pengangkutan	6,492	6,321	21.4	-2.6	1.9	2.3
Produk galian bukan logam	3,370	3,538	36.4	5.0	1.0	1.3
Produk pembuatan lain	22,188	23,015	1.4	3.7	6.6	8.4
Jumlah	337,080	272,477	9.1	-19.2	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

keluaran ubat dan farmaseutik kembali cergas 15.1% (Januari – Ogos 2008: -8.5%) disebabkan peningkatan permintaan bagi produk penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan.

Pendapatan eksport **produk besi, keluli dan logam** menguncup 23.9% (Januari – Ogos 2008: 17.0%) terjejas akibat pengurangan permintaan bagi bahan mentah dan komponen untuk subsektor pembinaan, kejuruteraan pasang siap, automobil, E&E dan perabot. Eksport **kelengkapan pengangkutan** merosot 2.6% (Januari – Ogos 2008: 21.4%) berikutan penghantaran kenderaan jalan raya yang lebih rendah (-28.4%) meskipun eksport kelengkapan pengangkutan lain meningkat (32.9%). **Produk galian bukan logam** berkembang 5.0% (Januari – Ogos 2008: 36.4%) disebabkan oleh peningkatan eksport simen dan bahan binaan pasang siap (31.6%) serta kaca dan barang-barang kaca (3.7%). Destinasi eksport utama bagi produk ini ialah Singapura, negara Jepun dan Indonesia.


Pendapatan eksport **produk petroleum** merosot 43.0% (Januari – Ogos 2008: 61.9%) berikutan permintaan luar yang perlahan dan kejatuhan harga yang ketara. Pendapatan eksport yang lebih rendah telah dicatat bagi produk petroleum bertapis (-45.3%), propana dan butana cecair (-52.8%) serta gas dan gas hidrokarbon lain (-26.0%). Produk-produk ini sebahagian besarnya dieksport ke Singapura, Republik Korea dan Indonesia. Penghantaran bagi produk petroleum terjejas disebabkan persaingan agresif daripada pengeluar petrokimia khususnya dari Timur Tengah.

Pendapatan eksport sarung getah yang menyumbang hampir 60% kepada jumlah produk getah, berkembang 4.7% disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada industri penjagaan kesihatan. Ini membantu mengimbangi kemerosotan eksport **produk getah** yang menguncup 7.2% (Januari – Ogos 2008: 27.4%). Berikutan usaha berterusan pengeluar



CARTA 3.11


Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan Nisbah Book-to-Bill.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association (SIA) dan Semiconductor Equipment and Materials International (SEMI).

CARTA 3.12

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

tempatan untuk menambah baik kualiti produk dan pematuan piawaian antarabangsa yang ketat, Malaysia kekal sebagai pengeluar dan pengeksport sarung getah utama dunia dengan menyumbang 60.0% daripada pasaran.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, pendapatan eksport **produk kayu** menguncup 17.7% (Januari – Ogos 2008: 2.1%). Ini disebabkan oleh pengurangan eksport bagi produk venir dan papan lapis (-25.9%) serta perabot kayu (-8.0%) berikutan pasaran perumahan yang lembap di AS, Eropah dan negara Jepun. Di samping itu, eksport untuk **tekstil, pakaian dan kasut** merosot 14.0% (Januari – Ogos 2008: 4.6%) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah dan peningkatan persaingan dari pengeluar berkos rendah. Eksport bagi **produk makanan, minuman dan tembakau** menguncup 14.8% (Januari – Ogos 2008: 45.6%) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi makanan

diproses. Makanan diproses yang mencakupi hampir 85% daripada eksport makanan merosot 17.4%, manakala pendapatan daripada minuman meningkat 8.1%.

Eksport Komoditi Utama

Eksport merosot dengan ketara...

Hasil eksport daripada komoditi utama jatuh dengan ketara sebanyak 33.1% kepada RM66.9 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 52.0%; RM100.1 bilion) disebabkan harga yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009, hasil eksport dijangka mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 25.4% kepada RM112.0 bilion (2008: 39.0%; RM150.1 bilion) berikutan jangkaan harga komoditi yang bertambah baik dalam tempoh separuh kedua.



JADUAL 3.16

**Eksport Komoditi Utama
2008 – 2009**


	Perubahan (%)			
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Pertanian				
Minyak sawit²				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16,057	10,698	17.4	2.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,931	2,192	22.8	-30.9
Nilai (RM juta)	47,051	23,453	44.1	-29.2
Minyak isirong kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	1,153	696	32.1	-1.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,573	2,425	20.3	-37.5
Nilai (RM juta)	4,119	1,687	58.9	-38.6
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	4,352	2,563	-6.3	-18.6
Nilai seunit (RM/ meter padu)	471	492	3.5	8.4
Nilai (RM juta)	2,049	1,261	-3.0	-11.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,707	1,137	-19.3	-39.9
Nilai seunit (RM/ meter padu)	1,142	1,232	20.4	12.7
Nilai (RM juta)	3,091	1,401	-2.8	-32.3
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	915	438	-10.1	-34.6
Nilai seunit (sen/kilogram)	886	576	23.0	-35.0
Nilai (RM juta)	8,109	2,522	10.6	-57.5
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13	8	-11.2	-1.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	12,876	11,587	3.5	-11.1
Nilai (RM juta)	172	95	-8.0	-12.1
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8	8	-57.2	52.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,900	8,700	21.5	8.7
Nilai (RM juta)	60	70	-48.3	65.0
Jumlah pertanian (RM juta)	64,651	30,490	34.2	-33.0
Perlombongan				
Minyak mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16,230	10,980	-4.4	1.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,652	1,361	36.9	-51.6
Nilai (RM juta)	43,040	14,947	31.0	-51.0
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	22,873	14,688	0.9	-4.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,781	1,416	54.3	-4.6
Nilai (RM juta)	40,732	20,794	55.7	-9.1
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	28	16	74.7	-16.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	55,000	43,332	11.1	-33.2
Nilai (RM juta)	1,698	707	117.6	-44.0
Jumlah perlombongan (RM juta)	85,469	36,448	42.9	-33.3
Jumlah nilai (RM juta)	150,120	66,938	39.0	-33.1

¹ Januari – Ogos.² Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pengenehan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia.

CARTA 3.13

Eksport Komoditi Utama



Hasil eksport komoditi **pertanian** jatuh 33.0% kepada RM30.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2008: 60.7%; RM45.5 bilion) disebabkan harga minyak sawit dan getah yang lebih rendah. Hasil **perlombongan** menyusut 33.3% kepada RM36.4 bilion (Januari – Ogos 2008: 45.4%; RM54.6 bilion) akibat permintaan global yang lemah dan harga minyak mentah yang lebih rendah.

Hasil eksport **minyak sawit** merosot 29.2% kepada RM23.5 bilion (Januari – Ogos 2008: 79.9%; RM33.1 bilion) dalam tempoh lapan bulan pertama disebabkan harga eksport yang lebih rendah pada purata RM2,192 setan metrik (Januari – Ogos 2008: RM3,170 setan metrik). Permintaan daripada negara India, Pakistan dan Timur Tengah meningkat ekoran aktiviti menyimpan stok berikutan jangkaan permintaan minyak sayuran yang lebih tinggi semasa Ramadan. Justeru, volum eksport berkembang 2.3% kepada 10.7 juta tan metrik (Januari – Ogos 2008: 24.1%; 10.5 juta tan metrik). Sebaliknya, penghantaran ke negara China, pengimport terbesar, serta AS dan negara Belanda menurun berikutan permintaan yang lebih rendah.

Hasil eksport **getah** merosot 57.5% kepada RM2.5 bilion (Januari – Ogos 2008: 26.0%; RM5.9 bilion) disebabkan penguncupan dalam volum eksport dan harga. Bagi keseluruhan tahun, harga eksport dijangka pada RM5.50 sekilogram (2008: RM8.86 sekilogram), manakala volum eksport dianggar merosot 24.7% kepada 689,000 tan metrik (2008: -10.1%; 915,100 tan metrik). Ini berikutan jangkaan permintaan global yang lebih rendah daripada industri automobil. Hasil eksport bagi tahun ini dijangka menyusut 53.3% kepada RM3.8 bilion (2008: 10.6%; RM8.1 bilion).

Eksport **petroleum mentah** merosot 51.0% kepada RM14.9 bilion (Januari – Ogos 2008: 51.4%; RM30.5 bilion) akibat kejatuhan harga. Jumlah eksport meningkat 1.3% kepada 11.0 juta tan metrik (Januari – Ogos 2008: -2.9%; 10.8 juta tan metrik), berikutan permintaan pulih ekoran ekonomi dunia yang mula stabil. Berdasarkan harga purata eksport pada RM1,702

setan metrik (2008: RM2,652 setan metrik), hasil eksport dijangka menyusut 39.9% kepada RM25.9 bilion pada tahun 2009 (2008: 31.0%; RM43.0 bilion).

Hasil eksport **LNG** menyusut 9.1% kepada RM20.8 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2008: 33.7%; RM22.9 bilion) akibat pengurangan volum eksport. Bagi keseluruhan tahun, eksport dianggar merosot 5.7% kepada RM38.4 bilion (2008: 55.7%; RM40.7 bilion) meskipun volum eksport meningkat 4.9% (2008: 0.9%).

Prestasi Import

Import terus menyusut...

Nilai import kasar merosot 23.9% kepada RM270.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 8.7%; RM355.4 bilion) mencerminkan volum dan harga import yang lebih rendah. Bagi keseluruhan tahun, import dijangka menguncup 18.6% kepada RM424.5 bilion (2008: 3.3%; RM521.6 bilion). Import barangan pengantara dianggar merosot 21.6% kepada RM297.2 bilion (2008: 5.7%; RM379.1 bilion), manakala import barangan modal dijangka menyusut 15.0% kepada RM59.4 bilion (2008: 0.01%; RM69.9 bilion) disebabkan aktiviti pelaburan dalam sektor pembuatan kekal lembap. Import barangan pengguna dijangka menyusut 7.1% kepada RM30.0 bilion (2008: 11.8%; RM32.3 bilion) akibat permintaan domestik yang lebih rendah.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, import **barangan pengantara** merosot 28.5% kepada RM185.0 bilion (Januari – Ogos 2008: 11.4%; RM258.5 bilion). Import alat ganti dan aksesori serta bekalan perindustrian menguncup 24.2% dan 27.5%. Sementara itu, import **barangan modal** menyusut 11.8% kepada RM 41.2 bilion (Januari – Ogos 2008: 5.0%; RM46.7 bilion) disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dalam sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, import alat kelengkapan pengangkutan untuk

JADUAL 3.17
**Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Barangan modal	46,692	41,189	5.0	-11.8	13.1	15.2
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	41,064	34,996	6.4	-14.8	87.9	85.0
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	5,628	6,192	-4.3	10.0	12.1	15.0
Barangan pengantara	258,527	184,967	11.4	-28.5	72.7	68.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	11,354	8,830	39.0	-22.2	4.4	4.8
Bekalan perindustrian utama dan diproses	92,303	66,883	13.6	-27.5	35.7	36.2
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	33,731	17,381	50.9	-48.5	13.0	9.4
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	9,096	8,720	15.9	-4.1	3.5	4.7
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	43,323	35,063	12.7	-19.1	16.8	19.0
Injap dan tiub termionik	68,722	48,091	-7.1	-30.0	26.6	26.0
Barangan penggunaan	21,666	20,300	15.4	-6.3	6.1	7.5
Makanan dan minuman utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	8,650	8,884	27.3	2.7	39.9	43.8
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	328	294	49.3	-10.5	1.5	1.4
Barangan pengguna lain	12,687	11,122	7.8	-12.3	58.6	54.8
<i>Bahan tahan lama</i>	2,918	2,325	2.8	-20.3	13.5	11.5
<i>Bahan separa tahan lama</i>	3,905	3,104	7.8	-20.5	18.0	15.3
<i>Bahan tidak tahan lama</i>	5,864	5,693	10.5	-2.9	27.1	28.0
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	10,603	6,017	26.1	-43.3	3.0	2.2
Import untuk eksport semula	14,815	16,043	-14.4	8.3	4.2	5.9
Jumlah	355,408	270,500	8.7	-23.9	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kegunaan industri berkembang 10.0% dipacu oleh import yang lebih tinggi bagi pesawat udara dan kapal memandangkan syarikat pengangkutan utama menerima penghantaran pesanan kontrak.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, import **barangan penggunaan** jatuh 6.3% kepada RM20.3 bilion (Januari – Ogos 2008: 15.4%; RM21.7 bilion). Import makanan dan minuman kembali cergas 23.2% (Januari – Ogos 2008:

-6.6%) berikutan permintaan yang mapan bagi item makanan utama. Walau bagaimanapun, item lain dalam kumpulan barangan pengguna termasuk alat kelengkapan pengangkutan untuk kegunaan bukan industri, bahan tahan lama dan bahan separa tahan lama merosot 10.5%, 20.3% dan 20.5%. **Import barangan lain** termasuk barangan dua guna merudum 43.3% kepada RM6.0 bilion (Januari – Ogos 2008: 26.1%; RM10.6 bilion) akibat import yang lebih rendah sebanyak 61.3% bagi bahan api dan minyak pelincir diproses

serta minyak kenderaan. Barangan **import untuk eksport semula** yang merangkumi produk E&E, peralatan telekomunikasi serta produk besi dan keluli meningkat 8.3% kepada RM16.0 bilion dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2008: -14.4%; RM14.8 bilion).

Aliran Perdagangan

Lebih perdagangan kekal...



Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, jumlah perdagangan menurun 23.3% kepada RM617.6 bilion (Januari – Ogos 2008: 12.7%; RM805.3 bilion) dengan lebih perdagangan RM76.6 bilion (Januari – Ogos 2008: RM94.5 bilion). Rakan perdagangan utama terdiri daripada Singapura, negara China, AS, dan negara Jepun yang menyumbang 47.4% kepada jumlah perdagangan. Sementara itu, ASEAN (tidak termasuk Singapura) dan EU menyumbang 13.1% dan 11.0%.

Sejak tahun 2008, **Singapura** yang merupakan rakan perdagangan terbesar mencatatkan kemerosotan dalam nilai perdagangan sebanyak 28.6% kepada RM77.0 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 14.6%; RM108.0 bilion). Eksport dan import merosot 28.1% dan 29.5% (Januari – Ogos 2008: 18.3%; 9.1%). Barangan utama eksport terdiri daripada litar bersepadu elektronik, alat ganti dan aksesori untuk mesin dan minyak petroleum manakala barangan utama import merangkumi minyak kenderaan dan peralatan litar bersepadu elektronik. Walaupun eksport ke Singapura lebih rendah, lebih perdagangan sebanyak RM18.9 bilion telah dicatatkan (Januari – Ogos 2008: RM25.5 bilion).

Negara **China** muncul sebagai rakan perdagangan kedua terbesar sejak bulan Februari 2009 dan kekal sebagai sumber import utama negara. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, jumlah perdagangan menyusut 12.9% kepada

CARTA 3.14

Haluan Perdagangan Luar-Malaysia Januari – Ogos 2009 (% bahagian)



¹Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



JADUAL 3.18

Haluan Perdagangan Luaran-Malaysia Januari – Ogos

	RM juta				Imbangan Perdagangan				Kadar Pertumbuhan (%)				Bahagian daripada Jumlah (%)			
	Eksport		Import		2008		2009		Eksport		Import		Eksport		Import	
	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009
Singapura	66,736	47,983	41,228	29,061	25,508	18,922	18.3	-28.1	9.1	-29.5	14.8	13.8	11.6	10.7	10.7	10.7
China	44,426	40,138	44,370	37,177	56	2,961	37.4	-9.7	8.4	-16.2	9.9	11.6	12.5	13.7	12.5	13.7
Amerika Syarikat	57,132	38,938	37,576	31,274	19,556	7,664	-8.4	-31.8	4.1	-16.8	12.7	11.2	10.6	11.6	10.6	11.6
Jepun	44,696	34,485	44,292	33,559	404	926	25.5	-22.8	4.0	-24.2	9.9	9.9	12.5	12.4	12.5	12.4
Timur Laut Asia (tidak termasuk China & Jepun)	49,178	40,585	43,977	30,351	5,201	10,234	11.4	-17.5	-3.3	-31.0	10.9	11.7	12.4	11.2	12.4	11.2
Hong Kong SAR	19,652	18,122	9,552	6,858	10,100	11,264	10.5	-7.8	0.9	-28.2	4.4	5.2	2.7	2.5	2.7	2.5
Republik Korea	17,994	13,433	16,807	12,387	1,187	1,046	17.6	-25.3	1.3	-26.3	4.0	3.9	4.7	4.6	4.7	4.6
Taiwan	11,445	8,925	17,930	11,089	-6,485	-2,164	4.4	-22.0	-7.4	-38.2	2.5	2.6	5.0	4.1	5.0	4.1
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	51,596	41,334	51,913	39,864	-317	1,470	23.2	-19.9	17.1	-23.2	11.5	11.9	14.6	14.7	14.6	14.7
Thailand	22,486	18,569	19,957	16,242	2,530	2,327	15.8	-17.4	13.6	-18.6	5.0	5.3	5.6	6.0	5.6	6.0
Indonesia	14,549	11,206	16,453	14,188	-1,904	-2,982	31.0	-23.0	28.3	-13.8	3.2	3.2	4.6	5.2	4.6	5.2
Filipina	6,676	4,443	5,441	2,397	1,235	2,046	24.3	-33.4	-7.0	-55.9	1.5	1.3	1.5	0.9	1.5	0.9
Kesatuan Eropah (27)	50,275	36,940	40,746	31,169	9,529	5,771	-0.6	-26.5	2.5	-23.5	11.2	10.6	11.5	11.5	11.5	11.5
Jerman	10,157	8,703	14,841	11,603	-4,684	-2,900	3.9	-14.3	-6.9	-21.8	2.3	2.5	4.2	4.3	4.2	4.3
Belanda	15,312	11,190	2,624	1,898	12,688	9,292	4.5	-26.9	21.1	-27.7	3.4	3.2	0.7	0.7	0.7	0.7
United Kingdom	6,663	4,686	5,134	3,930	1,529	756	1.2	-29.7	10.7	-23.5	1.5	1.3	1.4	1.5	1.4	1.5
Asia Selatan	22,684	17,338	7,655	5,712	15,029	11,626	30.7	-23.6	71.5	-25.4	5.0	5.0	2.2	2.1	2.2	2.1
India	15,761	11,050	7,150	5,283	8,611	5,767	22.4	-29.9	74.1	-26.1	3.5	3.2	2.0	2.0	2.0	2.0
Pakistan	4,142	3,699	302	282	3,840	3,418	59.5	-10.7	45.6	-6.6	0.9	1.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Asia Barat	17,066	13,847	16,957	9,546	109	4,301	37.6	-18.9	49.9	-43.7	3.8	4.0	4.8	3.5	4.8	3.5
Emiriyah Arab Bersatu	7,834	6,767	5,769	3,962	2,065	2,805	17.5	-13.6	88.3	-31.3	1.7	1.9	1.6	1.5	1.6	1.5
Arab Saudi	2,256	1,985	5,425	2,988	-3,169	-1,003	31.8	-12.0	24.7	-44.9	0.5	0.6	1.5	1.1	1.5	1.1
Iran	1,607	1,366	1,405	631	202	734	10.3	-15.0	44.1	-55.1	0.4	0.4	0.4	0.2	0.4	0.2
Australia	16,736	12,726	7,598	6,382	9,138	6,344	26.0	-24.0	9.3	-16.0	3.7	3.7	2.1	2.4	2.1	2.4
New Zealand	2,607	1,196	1,893	1,083	714	113	71.9	-54.1	77.1	-42.8	0.6	0.3	0.5	0.4	0.5	0.4
Afrika	8,486	7,923	3,952	3,162	4,534	4,761	33.3	-6.6	26.6	-20.0	1.9	2.3	1.1	1.2	1.1	1.2
Negara-negara lain	18,282	13,715	13,252	12,160	5,031	1,555	38.2	-25.0	1.2	-8.2	4.1	4.0	3.7	4.5	3.7	4.5
Jumlah	449,900	347,148	355,409	270,500	94,492	76,648	16.1	-22.8	8.7	-23.9	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perdagangan Malaysia.



RM77.3 bilion (Januari – Ogos 2008: 21.2%; RM88.8 bilion) dengan eksport merosot 9.7% (Januari – Ogos 2008: 37.4%). Barangan eksport utama adalah litar bersepadu elektronik dan minyak sawit. Sementara itu, import yang terdiri daripada alat ganti dan aksesori bagi mesin dan mesin memproses data menguncup 16.2% (Januari – Ogos 2008: 8.4%). Imbangan perdagangan mencatat lebih yang lebih tinggi sebanyak RM3.0 bilion (Januari – Ogos 2008: RM55.7 juta).

Perdagangan dengan **AS** merosot untuk dua tahun berturut-turut. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, perdagangan menyusut 25.9% kepada RM70.2 bilion (Januari – Ogos 2008: -3.9%; RM94.7 bilion). Sehubungan itu, kedudukan AS jatuh ke tempat ketiga sebagai rakan perdagangan utama disebabkan oleh permintaan lemah bagi produk E&E. Eksport merosot 31.8% (Januari – Ogos 2008: -8.4%) berikutan penghantaran yang lebih rendah bagi minyak sawit (-35.0%) dan E&E (-37.1%). Import menyusut 16.8% (Januari – Ogos 2008: 4.1%) kecuali untuk peralatan pengangkutan dan perkilangan plastik. Lebih perdagangan sebanyak RM7.7 bilion dicatatkan dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: RM19.6 bilion).

Jumlah perdagangan dengan negara **Jepun** menguncup 23.5% kepada RM68.0 bilion (Januari – Ogos 2008: 13.8%; RM89.0 bilion). Eksport yang merangkumi LNG, E&E, alat ganti dan aksesori bagi mesin serta produk kayu menyusut 22.8% (Januari – Ogos 2008: 25.5%). Ini disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi LNG dan sentimen pengguna yang lemah serta aktiviti pembinaan rumah yang lembap. Import merosot 24.2% (Januari – Ogos 2008: 4.0%) disebabkan oleh tempahan yang berkurangan bagi litar bersepadu elektronik serta kapal dan bot. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, aktiviti perdagangan mencatatkan lebih sebanyak RM926.0 juta (Januari – Ogos 2008: RM404.1 juta).

Perdagangan dengan **ASEAN (tidak termasuk Singapura)** merosot 21.6% kepada RM81.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama

2009 (Januari – Ogos 2008: 20.0%; RM103.5 bilion), Eksport dan import menguncup 19.9% dan 23.2% (Januari – Ogos 2008: 23.2%; 17.1%). Barangan utama yang didagangkan ialah produk E&E, petroleum bertapis serta kimia dan produk kimia. Di kalangan ASEAN (tidak termasuk Singapura), Thailand merupakan rakan perdagangan utama menyumbang 49.7%, diikuti oleh Indonesia (36.2%) dan Filipina (9.8%). Perdagangan dengan ASEAN (tidak termasuk Singapura) mencatatkan lebih sebanyak RM1.5 bilion (Januari – Ogos 2008: -RM316.9 juta).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2009, perdagangan dengan **EU** menguncup 25.2% kepada RM68.1 bilion (Januari – Ogos 2008: 0.7%; RM91.0 bilion). Eksport merosot 26.5% (Januari – Ogos 2008: -0.6%), manakala import menyusut 23.5% (Januari – Ogos 2008: 2.5%). Negara Jerman kekal sebagai rakan perdagangan utama, menyumbang 29.8%, diikuti oleh negara Belanda (19.2%) dan UK (12.6%). Walau bagaimanapun, eksport ke negara Belanda menjunam 26.9% disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi produk E&E dan minyak sawit. Perdagangan dengan EU terus mencatatkan lebih sebanyak RM5.8 bilion (Januari – Ogos 2008: RM9.5 bilion).

Imbangan Pembayaran

Lebih dalam akaun semasa...

Imbangan pembayaran dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2009 dengan akaun semasa mencatatkan lebih bagi 12 tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, lebih akaun semasa ini dijangka berkurangan kepada RM91.8 bilion atau 13.5% daripada KNK pada tahun 2009 (2008: RM129.5 bilion; 18.1%) akibat lebih dalam akaun barangan yang lebih rendah dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih tinggi. Akaun kewangan dijangka merekodkan aliran keluar bersih berikutan aliran masuk FDI yang lebih rendah. Imbangan keseluruhan dijangka mencatatkan lebih yang akan mengukuhkan rizab antarabangsa Malaysia.



Akaun barangan dijangka mencatatkan lebih yang lebih kecil berjumlah RM120.2 bilion (2008: RM170.6 bilion) pada tahun 2009. Ini disebabkan oleh penguncupan eksport sebanyak 20.7% kepada RM527.1 bilion (2008: 9.6%; RM664.3 bilion). Import pula dijangka merosot 17.6% kepada RM406.9 bilion (2008: 3.2%; RM493.8 bilion) akibat kelembapan dalam aktiviti pembuatan berorientasi eksport dan penggunaan domestik yang lebih rendah.

Akaun perkhidmatan yang merangkumi akaun perjalanan, pengangkutan, urus niaga kerajaan dan perkhidmatan lain dijangka mencatatkan defisit berjumlah RM803.0 juta (2008: +RM163.0 juta) kesan daripada aliran masuk bersih yang lebih rendah dalam akaun perjalanan. Keadaan ekonomi global yang lembap dan penularan wabak *Influenza A(H1N1)* dijangka memberi kesan kepada bilangan ketibaan pelancong. Terimaan dalam akaun perjalanan dijangka merosot 7.1% kepada RM47.3 bilion (2008: 5.5%; RM51.0 bilion). Aliran keluar pembayaran bagi perniagaan, riadah, pendidikan, kesihatan serta urusan haji dan umrah dijangka meningkat 0.8% kepada RM22.6 bilion (2008: 17.1%; RM22.4 bilion).

Justeru, *akaun perjalanan* dijangka mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM24.7 bilion (2008: RM28.5 bilion).

Pada tahun 2009, *akaun pengangkutan* dijangka mencatatkan defisit yang lebih rendah berjumlah RM12.8 bilion (2008: -RM15.4 bilion) akibat kelembapan aktiviti perdagangan. Aliran keluar kasar dijangka merosot 24.3% kepada RM28.7 bilion (2008: 0.4%; RM37.9 bilion) akibat bayaran kargo yang lebih rendah disebabkan oleh penyusutan jumlah perdagangan. Aliran masuk kasar dijangka menguncup 29.4% kepada RM15.9 bilion (2008: -8.5%; RM22.5 bilion) akibat pendapatan daripada penumpang dan perkhidmatan kargo yang lebih rendah. *Akaun perkhidmatan lain* dijangka mencatatkan aliran keluar bersih.

Akaun pendapatan dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM10.9 bilion (2008: -RM23.7 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih rendah oleh syarikat asing. Aliran keluar dijangka berkurangan sebanyak 42.3% kepada RM36.7 bilion (2008: 20.7%; RM63.6 bilion)

JADUAL 3.19

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
2009 – 2010
(RM juta)

	2009 ¹			2010 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	527,078	406,892	120,185	555,628	437,493	118,135
Perkhidmatan	91,151	91,954	-803	94,350	92,832	1,518
Pengangkutan	15,888	28,685	-12,797	17,158	32,047	-14,889
Perjalanan	47,342	22,623	24,719	48,431	23,328	25,103
Perkhidmatan lain	27,792	39,938	-12,146	28,627	36,731	-8,104
Urus niaga kerajaan	128	708	-579	135	726	-591
Pendapatan	25,791	36,717	-10,926	27,810	40,167	-12,357
Pampasan pekerja	3,046	4,496	-1,451	3,310	5,967	-2,657
Pendapatan pelaburan	22,745	32,221	-9,476	24,500	34,200	-9,700
Pindahan semasa	1,363	17,990	-16,627	1,498	17,834	-16,336
Akaun semasa	645,382	553,552	91,830	679,287	588,327	90,960

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia.



memandangkan sebahagian besar pendapatan dijangka dikekalkan untuk tujuan pelaburan semula. Aliran masuk akaun pendapatan dijangka merosot 35.4% kepada RM25.8 bilion (2008: 2.8%; RM39.9 bilion). *Akaun pampasan pekerja* termasuk gaji dan faedah lain yang diperoleh rakyat asing yang bekerja di Malaysia dan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar berjumlah RM1.5 bilion (2008: -RM731.0 juta).

Aliran keluar kasar **akaun pindahan semasa** dijangka merosot 4.8% kepada RM18.0 bilion (2008: 10.0%; RM18.9 bilion) berikutan jangkaan jumlah pekerja asing yang berkurangan. Terimaan pindahan semasa dianggarkan menyusut 3.3% kepada RM1.4 bilion (2008: -2.4%; RM1.4 bilion) akibat kiriman wang yang lebih rendah daripada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri. Sehubungan itu, defisit dijangka berkurangan kepada RM16.6 bilion (2008: -RM17.5 bilion).

Pada tahun 2009, **akaun kewangan** diunjur mencatatkan defisit kesan daripada pengurangan aliran masuk FDI manakala pelaburan oleh syarikat Malaysia di luar negeri dijangka menyederhana. Ini akan mengurangkan aliran keluar bersih akaun kewangan. *Pelaburan lain* juga dijangka mencatatkan aliran keluar bersih, mencerminkan pembayaran semula bersih pinjaman luar oleh Kerajaan dan lanjutan kredit dagangan oleh pengeksport.

Pada 30 September 2009, kedudukan **rizab antarabangsa** Malaysia kekal tinggi berjumlah RM334.3 bilion atau USD96.0 bilion (akhir Disember 2008: RM317.4 bilion; USD91.5 bilion). Rizab ini mampu membiayai 9.5 bulan import tertanggung dan menampung 3.9 kali hutang luar jangka pendek. Rizab antarabangsa dijangka terus kukuh sejajar dengan jangkaan lebihan perdagangan yang besar pada tahun 2009.

Harga


Tekanan inflasi berkurang...

Inflasi seluruh dunia mereda pada tahun 2009 apabila harga minyak mentah dan komoditi makanan jatuh mendadak daripada paras tertinggi pada tahun 2008 akibat permintaan yang lebih rendah berikutan kelembapan ekonomi global. Harga minyak mentah (WTI) menyusut 51.5% kepada purata USD55.7 setong dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 77.5%; USD114.7 setong). Harga komoditi makanan seperti gandum, beras, kacang soya, jagung dan minyak sawit turut merosot antara 4.3% hingga 33.3% (Januari – Ogos 2008: 39.7%; 84.2%).

Inflasi domestik mereda dengan **Indeks Harga Pengguna (IHP)** meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 4.8%). Inflasi yang sederhana ini mencerminkan kesan asas tinggi pelarasan harga bahan bakar pada bulan Jun 2008, kenaikan harga makanan yang lebih perlahan dan pengurangan permintaan domestik. Inflasi pada bulan Jun 2009 menjadi negatif 1.4% buat pertama kali sejak bulan Ogos

CARTA 3.15

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 30 September 2009.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 3.20
Indeks Harga Pengguna (IHP)
Januari – Ogos
 (2005 = 100)

Kumpulan	Wajaran	Perubahan tahunan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)
		2009	2009
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	5.9	143.4
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	8.2	12.8
Pakaian dan kasut	3.1	-0.8	-1.7
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.5	23.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3	3.8	11.8
Kesihatan	1.4	2.5	2.4
Pengangkutan	15.9	-9.3	-120.2
Komunikasi	5.1	-0.5	-1.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.2	3.7
Pendidikan	1.9	2.5	3.4
Restoran dan hotel	3.0	3.5	8.2
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.0	3.5	14.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

1986 (-0.5%) dan sekali lagi negatif 2.4% pada bulan Julai dan Ogos 2009. Ini disebabkan oleh kesan kumulatif pengurangan harga petrol dan diesel sejak bulan Ogos hingga Disember 2008. Inflasi negatif ini dijangka bersifat sementara dengan inflasi diunjur meningkat kira-kira 1% bagi tahun 2009.

Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol yang mempunyai wajaran tertinggi sebanyak 31.4% dalam bakul IHP kekal menjadi penyumbang terbesar kepada inflasi dalam tempoh

JADUAL 3.21
Indeks Harga Pengeluar (IHGP)
Januari – Ogos
 (2000 = 100)

	Wajaran	Perubahan tahunan (%)	Sumbangan kepada pertumbuhan IHGP (%)
		2009	2009
Ekonomi domestik	100.0	-9.5	100.0
Makanan dan binatang hidup	5.3	1.2	-0.7
Minuman dan tembakau	1.0	1.6	-0.1
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	4.4	-19.0	11.9
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	11.9	-25.4	53.1
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	3.8	-29.0	22.5
Bahan kimia dan produk berkaitan t.s.t. ¹	5.1	-5.9	3.2
Barangan keluaran kilang dijeniskan mengikut bahan	10.8	-0.8	0.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	50.5	-2.3	9.6
Pelbagai barang keluaran kilang	6.9	1.5	-0.8
Komoditi dan transaksi yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam SITC ²	0.4	-10.8	0.5
Pengeluaran tempatan	65.6	-12.5	68.9
Import	34.4	-3.0	31.1

¹ Tidak disenaraikan di mana-mana.

² Piawai Penjenisan Perdagangan Antarabangsa.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

lapan bulan pertama 2009. Harga makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 5.9% dan menyumbang 1.6 mata peratusan kepada peningkatan IHP (Januari – Ogos 2008: 7.5%; 2.4 mata peratusan). Harga **kumpulan perumahan,**



CARTA 3.16


Trend IHP dan IHPG (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.17

Perubahan IHP Keseluruhan Berbanding Kumpulan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

air, elektrik, gas dan bahan api lain yang merupakan komponen kedua terbesar dalam bakul pengiraan IHP dengan wajaran 21.4%, naik 1.5% dan menyumbang 0.3 mata peratusan kepada peningkatan IHP (Januari – Ogos 2008: 1.4%; 0.3 mata peratusan).

Harga **kumpulan pengangkutan** jatuh 9.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 dan menyumbang -1.3 mata peratusan kepada perubahan IHP (Januari – Ogos 2008: 8.6%; 1.4 mata peratusan) berikutan harga runcit bahan api yang lebih rendah berbanding tahun lepas. Harga petrol dan diesel yang dinaikkan kepada RM2.70 dan RM2.58 seliter pada bulan Jun 2008 telah diturunkan sebanyak tujuh kali antara bulan Ogos hingga Disember 2008 kepada RM1.80 dan RM1.70 seliter. Harga **kumpulan pakaian dan kasut** menyusut 0.8% dan **komunikasi** 0.5% (Januari – Ogos 2008:

-0.5%; -0.6%) disebabkan oleh persaingan pasaran. Perkembangan teknologi dan promosi yang intensif turut menyebabkan kejatuhan harga kumpulan komunikasi. Penurunan harga bagi dua kumpulan ini dan kumpulan pengangkutan membantu mengurangkan peningkatan IHP.

Indeks Harga Pengeluar (IHPG) menurun 9.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 11.5%) disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi makanan dan minyak mentah. Penurunan harga yang utama melibatkan kumpulan minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (-29.0%), minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan (-25.4%) serta bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api (-19.0%) berbanding kenaikan harga sebanyak 44.4%, 41.5% dan 14.9% dalam tempoh yang sama pada tahun 2008. Kejatuhan ketara harga komoditi menyebabkan IHPG merosot sejak



bulan November 2008 hingga Ogos 2009 dan menandakan penurunan berturut-turut dalam tempoh 10 bulan. **IHPG untuk pengeluaran tempatan** menyusut 12.5% (Januari – Ogos 2008: 14.2%), manakala **IHPG untuk import** merosot 3.0% (Januari – Ogos 2008: 6.0%).

Kadar penyertaan tenaga buruh dijangka kekal pada 63.1% (2008: 62.7%). Kadar penyertaan guna tenaga lelaki kekal tinggi pada 79.5% (2008: 79.0%) manakala wanita pada paras 46.0% (2008: 45.7%). Kumpulan umur 25 – 34 tahun merupakan penyumbang terbesar, merangkumi

Pasaran Buruh

Pasaran buruh mula stabil...

Kadar pengangguran meningkat kepada 3.6% (2008: 3.3%) dalam tempoh suku kedua 2009. Pasaran buruh dijangka terus bertambah baik dengan kadar **guna tenaga** meningkat 0.1% kepada 11.6 juta pekerja pada tahun 2009 (2008: 1.6%; 11.6 juta pekerja). **Tenaga buruh** dijangka berkembang 0.8% kepada 12.1 juta orang (2008: 1.6%; 12.0 juta orang).

JADUAL 3.22

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Tenaga buruh	11,967.5	12,061.1	1.6	0.8
Guna tenaga	11,576.5	11,585.0	1.6	0.1
Pengangguran	391.1	476.1	3.3 ²	3.9 ²

¹ Anggaran.

² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

JADUAL 3.23

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹	2008	2009 ¹
Pertanian	1,390.9	1,391.9	0.1	0.1	12.0	12.0
Perlombongan	42.8	42.5	-0.2	-0.7	0.4	0.4
Pembuatan	3,338.2	3,293.1	1.3	-1.4	28.8	28.4
Pembinaan	758.4	759.9	0.1	0.2	6.6	6.6
Perkhidmatan	6,046.1	6,097.6	2.3	0.9	52.2	52.6
Utiliti (Elektrik, bekalan air dan gas)	97.6	96.6	0.8	-1.1	0.8	0.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	673.2	675.1	2.0	0.3	5.8	5.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1,984.3	1,999.8	1.4	0.8	17.1	17.3
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	811.9	814.1	2.8	0.3	7.0	7.0
Perkhidmatan Kerajaan	1,263.5	1,276.5	3.1	1.0	10.9	11.0
Perkhidmatan lain	1,215.6	1,235.5	2.9	1.6	10.5	10.7
Jumlah	11,576.5	11,585.0	1.6	0.1	100.0	100.0
Sektor pertama	1,433.7	1,434.5	0.1	0.0	12.4	12.4
Sektor kedua	4,096.6	4,053.0	1.1	-1.1	35.4	35.0
Sektor ketiga	6,046.1	6,097.6	2.3	0.9	52.2	52.6


¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.



CARTA 3.18

Penunjuk Pasaran Kerja



¹ Januari – Ogos.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

31.4% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja, diikuti oleh kumpulan umur 35 – 44 tahun pada 25.2%. Nisbah tanggungan berumur (65 tahun dan ke atas) dijangka meningkat kepada 6.7% (2008: 6.6%). Jumlah tenaga kerja berkelulusan pendidikan tertiar diunjur bertambah 5.2% kepada 2.6 juta, merangkumi 21.9% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja (2008: 7.0%; 2.5 juta; 21.2%). Sektor perkhidmatan menyumbang 52.6% daripada jumlah pekerjaan, diikuti sektor pembuatan (28.4%), pertanian (12.0%), pembinaan (6.6%) dan perlombongan (0.4%).

Di bawah PRE II, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 100,000 peluang pekerjaan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan sektor swasta. Sehingga 28 September 2009, di bawah

PRE, seramai 19,384 graduan, pekerja yang diberhentikan dan belia telah dilatih di bawah program latihan dan penempatan. Pihak majikan diberi potongan cukai dua kali ke atas amaun gaji yang dibayar kepada pekerja tempatan yang telah diberhentikan mulai 1 Julai 2008.

Kekosongan pekerjaan yang dilaporkan melalui *jobsmalaysia* meningkat 25.9% kepada 884,437 dalam tempoh lapan bulan pertama 2009 (Januari – Ogos 2008: 30.5%; 702,326). Jumlah kekosongan bagi sektor pembuatan meningkat 51.9% kepada 328,711, diikuti oleh sektor perkhidmatan 45.0% kepada 328,194 dan sektor pembinaan 4.9% kepada 66,944 (Januari – Ogos 2008: 20.3%; 70.7%; -23.2%). Jumlah kekosongan bagi sektor perlombongan dan pertanian menyusut 28.3% dan 17.9% (Januari – Ogos 2008: 42.8%; 37.6%).

Kekosongan bagi pekerjaan profesional meningkat 28.6% kepada 132,991 (Januari – Ogos 2008: 124.8%; 103,452). Kekosongan bagi pekerjaan asas meningkat 10.2%, khususnya dalam sektor pembuatan (Januari – Ogos 2008: 55.8%). Sumbangan pekerjaan profesional meningkat kepada 15.0%, manakala bagi pekerjaan asas mencatatkan penurunan kepada 58.2% (Januari – Ogos 2008: 14.7%; 66.5%). Permintaan bagi pekerja peringkat graduan meningkat 70.5% kepada 122,759 dengan sektor perkhidmatan mencatatkan tawaran pekerjaan yang tertinggi (Januari – Ogos 2008: 73.4%; 72,003).

Sehingga akhir Ogos 2009, bilangan **pencari kerja aktif** didaftarkan seramai 328,365 orang (akhir Disember 2008: 194,191). Sejumlah besar daripada mereka merupakan pemegang diploma dan ijazah, merangkumi 48.0%, diikuti oleh lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 32.6% (akhir Disember 2008: 55.6%; 26.0%). Kumpulan umur terbesar merupakan mereka yang berumur antara 20 – 24 tahun, menyumbang 53.7%, diikuti kumpulan umur 25 – 29 tahun pada 22.3% (akhir Disember 2008: 59.3%; 23.1%). Bagi membantu pencari kerja mencari pekerjaan yang sesuai, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif termasuk menganjurkan pesta kerjaya dan mengaktifkan 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara.



Bilangan pemberhentian berkurangan kepada 641 pekerja pada bulan Ogos 2009 berbanding 8,383 pekerja, jumlah pemberhentian tertinggi yang dicatatkan pada bulan Ogos 2008. Sektor pembuatan mencatatkan pemberhentian 207 pekerja, merangkumi 32.3% daripada jumlah keseluruhan. Subsektor pembuatan radio, televisyen dan kelengkapan serta peralatan komunikasi mencatat pemberhentian sebanyak 159 pekerja. Bilangan pemberhentian dijangka terus menyusut berikutan peningkatan penggunaan kapasiti dalam sektor pembuatan dalam tempoh separuh kedua 2009. Industri utama seperti E&E mencatatkan peningkatan dalam tempahan jualan dan pengambilan semula pekerja.

Sehingga akhir Januari 2009, jumlah **pekerja asing** berkurangan kepada 1.9 juta (akhir Disember 2008: 2.1 juta). Penurunan ini disebabkan oleh jumlah pemberhentian lebih tinggi bagi pekerja asing kurang mahir dalam negara. Pekerja dari Indonesia dan Bangladesh merupakan pekerja asing paling ramai di negara ini, merangkumi 51.7% dan 16.6%. Lebih kurang 34.6% daripada jumlah pekerja asing bekerja di sektor pembuatan, diikuti oleh perladangan (16.6%) dan pembinaan (15.6%).

Kerajaan juga menggalakkan pengambilan **ekspatriat** yang berkemahiran untuk bekerja di industri terpilih yang berimpak tinggi. Sehingga akhir Julai 2009, sejumlah 33,601 ekspatriat, kebanyakannya dari negara India (18.8%) dan negara China (8.6%), telah diambil bekerja dengan sebahagian besarnya dalam sektor perkhidmatan (70.5%) dan pembuatan (24.0%).

Prospek 2010

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik...

Ekonomi Malaysia dijangka mendapat faedah daripada perkembangan ekonomi dunia yang semakin stabil disokong oleh pelaksanaan langkah fiskal serta dasar monetari yang akomodatif.

Pertumbuhan KDNK dianggar kembali pulih pada kadar 2.0% – 3.0% pada tahun 2010 (2009: -3.0%), dipacu oleh permintaan domestik khususnya perbelanjaan swasta serta disokong oleh jangkaan pemulihan permintaan luar. Pertumbuhan menyeluruh dengan sumbangan positif daripada semua sektor dalam ekonomi dijangka meningkatkan KNK nominal per kapita sebanyak 2.5% kepada RM24,661 (2009: -6.7%; RM24,055). Dari segi PPP, pendapatan per kapita dijangka meningkat 2.7% kepada USD13,177 (2009: -14.7%; USD12,826).

Prospek Mengikut Sektor

Pemulihan menyeluruh...

Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dianggar berkembang 3.6% pada tahun 2010 dengan sumbangan yang lebih tinggi kepada KDNK sebanyak 58.5% (2009: 2.1%; 57.9%). Pertumbuhan ini dijangka dipacu oleh prestasi menggalakkan subsektor komunikasi, kewangan dan insurans, perdagangan borong dan runcit serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Pemulihan dalam aktiviti berkaitan perdagangan dijangka meningkatkan pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta utiliti. Prospek sektor perkhidmatan dijangka kekal menggalakkan dengan usaha giat Kerajaan bagi membangunkan sektor ini sebagai peneraju utama pertumbuhan. Beberapa langkah proaktif telah diambil bagi memperkukuhkan daya saing sektor ini serta menarik kemasukan pelaburan, teknologi dan tenaga profesional yang lebih tinggi.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** dijangka kembali pulih 1.7% (2009: -12.1%). Industri berorientasi eksport dijangka mendapat faedah daripada pemulihan perdagangan global, manakala industri berorientasi domestik berkembang seiring dengan sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah baik. Industri E&E dijangka pulih diterajui oleh peningkatan permintaan bagi kelengkapan elektronik dan alat ganti serta semikonduktor. Produk industri berasaskan sumber dijangka berkembang disebabkan oleh penambahbaikan permintaan bagi produk



petroleum, kimia, getah dan plastik. Berikutan prospek kerja yang lebih baik serta peningkatan pendapatan boleh guna, subsektor kelengkapan pengangkutan, terutamanya prestasi segmen kereta penumpang dijangka kembali cergas. Tambahan pula, peningkatan aktiviti sektor pembinaan, dengan pemulihan permintaan sektor perumahan akan menyokong pertumbuhan segmen besi dan keluli serta simen.

Sektor pertanian dijangka kembali cergas 2.5% (2009: -2.3%) hasil daripada pemulihan subsektor komoditi. Pengeluaran CPO dijangka berkembang 4.9% kepada 17.8 juta tan metrik (2009: -4.1%; 17.0 juta tan metrik) berikutan pertambahan kawasan matang kepada 3,980,000 hektar (2009: 3,800,000 hektar). FFB dijangka meningkat kepada 20.9 tan metrik sehektar (2009: 20.1 tan metrik sehektar) berikutan pemulihan daripada musim melawas. Output getah dijangka meningkat ekoran permintaan dan harga yang lebih baik. Subsektor bukan komoditi terutamanya ternakan dan pertanian lain dijangka terus berkembang berikutan pelaksanaan pelbagai HIP mula menunjukkan kemajuan. Industri perikanan dijangka terus berkembang berikutan hasil akuakultur yang lebih tinggi ekoran pertambahan bilangan ZIA.

Sektor perlombongan dijangka kembali pulih 1.1% (2009: -2.9%) disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah diunjur bertambah 0.8% kepada 668,000 tsh (2009: -4.8%; 663,000 tsh) ekoran permintaan yang lebih tinggi. Beberapa medan minyak baru dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 2010, menyumbang kepada pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pengeluaran gas asli dianggar meningkat 2.0% kepada 2,126,100 jkps (2009: 2.1%; 2,084,200 jkps) berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran domestik dan luar negara. Pembesaran MLNG DUA dijangka meningkatkan kapasiti pengeluaran gas kepada 23.9 juta tan metrik setahun.

Sektor pembinaan dianggar berkembang 3.2% (2009: 3.5%) dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan kukuh. Sektor

ini dijangka memperoleh manfaat daripada pemulihan ekonomi dan pelaksanaan berterusan aktiviti pembinaan di bawah PRE II. Tambahan pula, aktiviti carigali industri minyak dan gas dijangka merangsang sektor pembinaan. Projek utama seperti pertambahan rangkaian Aliran Transit Ringan (LRT) dari Aliran Kelana Jaya dan Ampang, Penyaluran Air Mentah Pahang – Selangor, LCCT baru di KLIA, pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar dijangka memacu pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam. Subsektor bukan kediaman dianggar meningkat kukuh diterajui oleh permintaan yang lebih baik bagi harta tanah dan bangunan komersial. Subsektor kediaman juga dijangka mengukuh berikutan sentimen pengguna dan prospek kerja yang lebih baik.

Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta menerajui pertumbuhan...

Agregat perbelanjaan domestik (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2% (2009: 1.5%), disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kembali cergas kepada 2.9% (2009: -2.4%). Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam dijangka menguncup 3.0% (2009: 12.0%) memandangkan Kerajaan akan mengurangkan peranannya secara berperingkat dan memberi galakan kepada sektor swasta untuk menerajui ekonomi. Pelaburan swasta dijangka kembali pulih 3.4% (2009: -20.0%), manakala pelaburan awam diunjur menguncup 2.5% (2009: 24.8%).

Penggunaan swasta dijangka berkembang 2.9% (2009: 1.6%) berikutan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi ekoran harga komoditi yang lebih baik, keadaan pasaran buruh yang lebih stabil serta prestasi pasaran saham yang menggalakkan. Sebaliknya, **penggunaan awam** dijangka merosot 3.4% (2009: 2.2%) berikutan langkah ke arah perbelanjaan yang lebih berhemat, efisien dan berkesan.



Kedudukan Sumber Negara

Lebih tabungan pelaburan kekal kukuh...

Pada tahun 2010, TNK dijangka kembali cergas 7.8% (2009: -16.7%), seiring dengan jangkaan peningkatan pendapatan negara nominal sebanyak 4.6% (2009: -4.8%). Daripada jumlah TNK tersebut, 58.0% akan dijana oleh sektor swasta. Jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dianggarkan meningkat 13.8% kepada RM152.3 bilion dan menyumbang 21.4% kepada KNK (2009: -5.3%; RM133.8 bilion; 19.6%). Lebih tabungan pelaburan dijangka terus kukuh sebanyak RM91.0 bilion atau 12.8% daripada KNK (2009: RM91.8 bilion; 13.5%) yang boleh digunakan untuk pelaburan jangka panjang yang produktif.

Sektor Luar Negeri

Imbangan pembayaran kekal menggalakkan...

Kedudukan sektor luar negeri dijangka bertambah baik seiring dengan pemulihan pertumbuhan dan perdagangan dunia. Kedudukan BOP dijangka kekal menggalakkan dengan akaun semasa terus mencatatkan lebihan pada tahun 2010. Imbangan akaun semasa disokong oleh lebihan **akaun barangan** berjumlah RM118.1 bilion (2009: RM120.2 bilion). Eksport dijangka meningkat 5.4% kepada RM555.6 bilion (2009: -20.7%; RM527.1 bilion) berikutan permintaan global E&E yang

mapan dan harga komoditi yang kukuh. Manakala, import berkembang 7.5% kepada RM437.5 bilion (2009: -17.6%; RM406.9 bilion).

Akaun perkhidmatan dianggarkan mencatatkan lebihan berjumlah RM1.5 bilion (2009: -RM803.0 juta) hasil daripada bilangan ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan peningkatan perjalanan serantau. Pemulihan dalam akaun perkhidmatan disebabkan oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam *akaun perjalanan* dijangkakan berjumlah RM25.1 bilion (2009: RM24.7 bilion). Peningkatan perdagangan luar berserta caj muatan yang lebih tinggi dijangka menghasilkan aliran keluar bersih yang lebih besar berjumlah RM14.9 bilion (2009: -RM12.8 bilion) dalam *akaun pengangkutan*.

Sebaliknya, defisit dalam **akaun pendapatan** dijangka meningkat secara perlahan kepada RM12.4 bilion (2009: -RM10.9 bilion) ekoran peningkatan pendapatan Syarikat Multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia. Aliran keluar bersih dalam **akaun pindahan semasa**, terutamanya kiriman wang oleh pekerja asing dijangka merekodkan pengurangan yang sedikit kepada RM16.3 bilion (2009: -RM16.6 bilion). Lebihan dalam akaun barangan dan perkhidmatan dijangka lebih daripada mencukupi bagi mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa. **Akaun semasa** dijangka terus mencatat lebihan yang besar berjumlah RM91.0 bilion atau 12.8% daripada KNK (2009: RM91.8 bilion; 13.5%).

